Volume II
No. 41

Saturday
17th December, 1960

# PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RA'AYAT
## (HOUSE OF REPRESENTATIVES)

### OFFICIAL REPORT

## CONTENTS

ADJOURNMENT TO A LATER DAY (MOTION) [Col. 4399]

EXEMPTED BUSINESS (MOTION) [Col. 4399]

THE SUPPLY (1961) BILL [Col. 4400]

Committee of Supply—
- Heads 29-30 [Col. 4400]
- Heads 31-40 [Col. 4492]

PRINTED AT THE GOVERNMENT PRESS
BY THOR BENG CHONG, ACTING GOVERNMENT PRINTER
FEDERATION OF MALAYA
1961

FEDERATION OF MALAYA

# DEWAN RA'AYAT

## (HOUSE OF REPRESENTATIVES)

*Official Report*

---

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

---

*Saturday, 17th December, 1960*

*The House met at Ten o'clock a.m.*

PRESENT:

The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

" the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

" the Minister of Internal Security, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).

" the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).

" the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).

" the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).

" the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).

" the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).

" the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

" the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).

" the Assistant Minister of Information and Broadcasting, TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore Tenggara).

" the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

" the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

" the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).

" the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

The Honourable the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

„ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).

„ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).

„ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).

„ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).

„ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).

„ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).

„ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).

„ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).

„ ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).

„ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).

„ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).

„ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).

„ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).

„ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).

„ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).

„ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).

„ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

„ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).

„ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

„ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).

„ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

„ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

„ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).

„ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).

„ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).

„ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).

„ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).

„ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).

The Honourable ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang)
„ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).
„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
„ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
„ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
„ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
„ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
„ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
„ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
„ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
„ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
„ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
„ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
„ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
„ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
„ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
„ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
„ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
„ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
„ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
„ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
„ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
„ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
„ TENGKU INDRA PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
„ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
„ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
„ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
„ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
„ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
„ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
„ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

The Honourable the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).

„ the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

„ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).

„ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).

„ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).

„ ENCHE' QUEK KAI DONG (Seremban Barat).

„ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).

„ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).

„ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).

„ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

## PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

## ADJOURNMENT TO A LATER DAY

### (Motion)

**The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak):** Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12, at its rising this day this House do stand adjourned to Tuesday, 20th December, 1960, at 10 a.m.

**The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin):** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12, at its rising this day this House do stand adjourned to Tuesday, 20th December, 1960, at 10 a.m.

### EXEMPTED BUSINESS

### (Motion)

**Tun Abdul Razak:** Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That the proceedings on the Supply (1961) Bill in the Committee of Supply this day shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 6.30 p.m.

**Dato' Ong Yoke Lin:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings on the Supply (1961) Bill in the Committee of Supply this day shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 6.30 p.m.

## BILL

### THE SUPPLY BILL, 1961

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Tenth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

Resumption of debate on Question:

That the sum of $91,810,242 for Heads 29 and 30 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

**Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambong keterangan dan ulasan saya pada petang sa-malam, maka saya suka sa-mula mengingatkan kapada Menteri yang berkenaan tentang kekurangan Hospital dalam kawasan luar bandar. Kekurangan Hospital ini bukan sahaja akan menyebabkan kesihatan ra'ayat di-luar

bandar terganggu daripada satu masa ka-satu masa, tetapi juga akan menjauhkan fikiran dan pendapat ra'ayat daripada pendapat Hospital dan perubatan yang moden. Oleh hal yang demikian, saya mengharapkan supaya dalam kawasan yang tidak ada Hospital, mithal-nya di-kawasan saya, Tanah Merah, saperti yang saya katakan sa-malam maseh belum ada Hospital, dan saya minta Yang Berhormat Menteri supaya mengutamakan tempat yang saperti itu supaya ra'ayat yang banyak jumlah-nya itu dapat di-rawat dan di-ubat dengan ubat yang datang-nya dari Hospital. Ada pun tempat yang kurang Hospital, maka terpaksa-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita menambah kereta ubat di-tempat itu dan menambah Hospital Assistant, yang pada pendapat Menteri yang berkenaan dalam uchapan-nya pada tahun ini banyak Hospital Assistant akan di-tambah mengikut apa yang ada dalam Item2 61, 72, 77 dan 79.

Oleh itu dengan bertambah-nya Hospital Assistant sama ada mereka itu sa-bagai temporary atau tidak ada-lah sangat di-perlu dan sangat di-pentingkan, oleh kerana sa-bagaimana yang saya katakan tadi di-mana tempat yang tidak ada Hospital, di-situ-lah Hospital Assistant itu dapat membuat kempen memberi layanan-nya dan menyampaikan segala ubat yang di-perlukan oleh ra'ayat supaya ra'ayat terjamin serta menjaga kesihatan-nya.

Hospital Assistant akan di-tambah, dan saya tidak-lah tahu di-mana penambahan itu akan di-buat. Saya mengharapkan kapada Menteri yang berkenaan supaya tambahan Hospital Assistant itu di-utamakan kapada kawasan luar bandar atau dalam tempat yang mana pembukaan tanah baharu di-adakan dalam Ranchangan Kemajuan Luar Bandar. Sebab, apa-bila tanah baharu itu di-buka, maka akan dapat-lah orang yang membuka tanah baharu itu beberapa penyakit mungkin akan merosakkan kesihatan dalam usaha pembangunan-nya di-atas tanah baharu. Dan kalau sa-kira-nya Hospital Assistant atau pun perubatan ini tidak dapat di-beri dengan memuaskan kapada mereka yang tersebut, saya khuatir dan saya takut kalau kerja mereka itu terganggu pada masa yang akan datang.

Sa-lain daripada yang saya suka sebutkan ia-itu Hospital Assistant memerlukan kenderaan2. Di-Tanah Merah yang saya dapat tahu hanya ada satu Land Rover yang pergi masok ka-kampong2 dengan sa-orang Hospital Assistant. Saya harap di-tambahkan lagi Land Rover di-situ dengan di-tambah pula Hospital Assistant untok melayani ra'ayat yang ada di-dalam kawasan itu. Sa-telah itu, Tuan Yang di-Pertua, kita menchukupi usaha2 menambah Hospital Assistant tidak ada erti-nya kapada tambahan Hospital Assistant ini kalau sa-kira-nya mereka itu terbatas di-dalam kerja2-nya. Terbatas saya maksudkan di-sini, dia boleh membuat kerja tetapi alat2-nya kurang, ubat-nya tidak chukup dan Menteri yang berkenaan telah pun menerangkan bahawa ubat2 akan di-tambah tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tahu kekurangan ubat di-dalam kawasan2 luar bandar ini akan menambahkan banyak lagi peristiwa2 yang tidak kita ingini. Apa-kah yang saya maksudkan peristiwa yang tidak kita ingini itu, bukan-lah ini sa-bagai satu tudohan tetapi ini ada-lah suatu usaha bagi mengatasi bagi sa-suatu yang mungkin timbul, sebab tentu-lah menjaga penyakit lebeh baik daripada mengubati sa-orang yang telah kena sakit. Sakit, ubat, sedangkan ra'ayat banyak hendakkan ubat. Kalau sa-kira-nya Hospital Assistant di-daerah itu kurang sadikit perhatian-nya hendak melayani ra'ayat dengan kekurangan ubat itu mungkin ubat2 itu akan di-tahan lagi dan mungkin pula pada suatu masa di-jadikan sa-bagai satu alat untok menchari wang pokit. Sebab itu, bagi mengatasi supaya jangan sampai Hospital Assistant atau pegawai2 Rumah Sakit melakukan sa-suatu untok menchari kesenangan dan kekayaan-nya sendiri dengan menahan ubat itu, maka di-harapkan supaya Kementerian ini dapat mengatasi kekurangan ubat di-tiap2 daerah terutama di-luar bandar. Sebab di-daerah luar bandar ini, Tuan Yang di-Pertua, yang kita pentingkan ia-lah kesihatan ra'ayat. Di-luar bandar, kita pernah mendengar penyakit2 cheret beret, kita pernah mendengar penyakit

kerongkong, kita pernah mendengar penyakit² yang menular, penyakit² yang merbahaya; menular itu ma'ana-nya penyakit yang berjangkit. Penyakit² saumpama penyakit demam kepialu dan berbagai penyakit² di-zaman atom ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah modern-nya dunia bertambah-nya pula penyakit². Maka untok mengubati ra'ayat dengan penyakit² yang selalu-nya mengenaï ra'ayat itu, mustahak-lah disediakan ubat² dengan serta merta. Kurang-nya tindakan terhadap penyakit yang menular dan yang lekas berjangkit itu akan menyebabkan kemelaratan kapada ra'ayat² di-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bertanya kapada sa-orang Hospital Assistant di-Tanah Merah tentang ubat. "Ada-kah chukup Enche' mempunyaï ubat untok melayani ra'ayat yang demikian banyak?" Kemudian dengan sedeh-nya dia berkata: "Amat-lah sedeh-nya Enche' kerana ubat tidak chukup dan kalau ubat tidak chukup, payah-lah kami pergi ka-kampong dan bila ra'ayat bertanya ada-kah ubat ini, ubat ini tidak ada, penyakit² ini ubat-nya tidak ada. Jadi, tidak ada-lah guna-nya kami pergi ka-kampong² sedangkan ra'ayat mempunyaï penyakit yang berbagai² yang bermacham², sedangkan ubat-nya kurang di-berikan kapada kami". Sebab itu, saya mengharapkan kapada Menteri yang berkenaan pernambahan ubat kapada kekurangan² ubat di-daerah² luar bandar itu hendak-lah di-utamakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang hendak saya sebutkan di-sini salain daripada menghadapi penyakit ra'ayat dengan ubat dan menambah Hospital Assistant, maka di-sini kita nampak di-dalam item (214) Nutrition Officer. Di-dalam soal Nutrition Officer ini, kita suka supaya kerja² pegawai ini dapat di-lipat gandakan dan pada pendapat saya, amat-lah penting-nya pegawai ini di-pandang dari segi kehidupan dan kesihatan ra'ayat. Kapada pegawai ini-lah yang kita harapkan bukan sahaja memberi ubat kapada penyakit kerongkong dan lain² tetapi yang penting-nya menasehatkan ra'ayat, membuat kempin kapada ra'ayat tentang makanan yang harus di-makan-nya. Menunjokkan makanan² yang mengandongi zat² yang boleh menyehatkan dan menyegarkan badan. Menjauhkan sa-barang sa-suatu yang mungkin berjangkit penyakit kapada-nya dan juga memberi kapada ra'ayat itu pengetahuan tentang kesihatan. Pengetahuan tentang kesihatan ini tidak-lah bagitu susah kalau sakira-nya pegawai ini dapat membuat kempin-nya ka-kampong², bukan-lah sahaja chukup dengan di-adakan suatu soal jawab di-dalam satu siaran Radio Malaya, yang saya rasa, ada juga faedah-nya dalam siaran² itu, sianu bin sianu, dia sakit perut, bahkan di-jawab oleh Doctor; sebab Doctor ini dia tidak dapat memereksa orang yang sakit itu, chuma dengan membacha surat-nya, dengan tidak mengenal apa-kah penyakit yang di-hidapi oleh si-Ahmad, dan dari mana sebab munasabah penyakit yang di-hidapi oleh si-Ahmad itu maka jawapan yang di-beri oleh Doctor Radio; "Hanya saya nasehatkan supaya Enche' berjumpa dengan pegawai kesihatan di-daerah Enche' ". Soal yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak ada baik-nya, ada, tetapi penyakit si-sakit tidak-lah dapat kita hapuskan dan kita beri pertolongan yang segera. Sebab itu, bagi menolong kerja yang telah di-buat di-dalam siaran Radio berkenaan dengan doctor itu maka mustahak-lah kapada Pegawai Nutrition ini memberi-kan kempin dengan sa-hibat²-nya, terutama sa-kali betapa merbahaya-nya di-bawah rumah itu ayer-nya bertakong, di-mana menyebabkan penyakit dan kuman² mudah merebak. Benda ini berlaku pada tiap² kampong, Tuan Yang di-Pertua. Dan perkara² ini selalu berlaku di-kampong² di-mana orang² kampong memandangkan perkara ini ha-nya perkara biasa sahaja. Tetapi di-situ-lah merebak-nya kuman² tumboh dengan subor-nya dan menyerang mereka yang menjadi mereka itu tidak sehat. Jadi, ini-lah yang saya harap kapada pegawai ini kalau dapat membuat kempin yang sa-hebat²-nya sa-bagaimana kita membuat kempin atau penerangan menyerang kemiskinan maka menyerang penyakit yang akan tumboh ka-dalam jiwa dan tuboh masharakat itu ada-lah lebeh penting dan lebeh mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa hal telah saya sebutkan tadi, berkenaan dengan kekurangan ubat² bagitu juga berkenaan dengan Public Health Services ini, sa-banyak sadikitnya telah pun saya kemukakan beberapa perkara, yang kita mahukan staff bagi Public Health Services ini di-tambahkan. Tidak-lah hanya sakadar melepaskan batok di-tangga sahaja tetapi di-tambahkan peruntokan-nya, di-tambahkan orang²-nya, di-tambahkan kerja-nya dan di-tambahkan usaha²-nya bagi menolong orang² yang jauh daripada bandar. Terutama sakali, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat² kita yang dudok di-tepi² sungai. Di-tepi sungai² ini, macham di-Ulu Kelantan; tentu-lah Yang Berhormat anggota Ulu Kelantan bersetuju dengan saya dalam perkara ini, bagitu juga kawasan saya di-ulu² itu tidak ada sungai tetapi ada sungai² kechil yang mereka dudok di-tepi² sungai itu, buang ayer di-tepi sungai, minum ayer di-sungai, dudok di-tepi sungai, pendek-nya itu-lah yang menjadi kehidupan dan pertolongan kapada-nya.

Jadi kalau sa-kira-nya kita sudah beri pengetahuan kapada ra'ayat bahaya meminum ayer sungai kalau tidak di-masak dan menerangkan dengan meminum ayer sungai itu akan terdapat penyakit² dan merebakkan penyakit². Dalam kawasan saya di-Batu Melintang ia-itu empat puloh batu daripada Tanah Merah kalau orang di-situ mendapat penyakit terpaksa-lah Hospital Assistant yang ada di-Tanah Merah itu pergi ka-Batu Melintang. Tetapi Alham du lillah Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pegawai² Keselamatan bagi pehak Engineering telah pun membuat jambatan² dan jalan² sedang di-baikki maka dengan demikian dapat-lah menolong ra'ayat² di-hulu Batu Melintang itu, tetapi ra'ayat di-tepi sungai sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi mustahak-lah kalau mereka itu sa-lain daripada di-beri ubat dan hendak-lah di-beri penerangan dan fahaman bagi mengatasi segala yang mungkin terjadi kapada ra'ayat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada saya hendak berchakap berkenaan dengan kesihatan tadi saya suka pula menyebutkan sa-banyak sadikit berkenaan dengan "Youth Services" ia-itu Sub-head 31, bantuan kapada "Youth Services". Kita tahu pada masa yang akan datang masharakat kita akan di-penohi dengan pemuda² yang ada sekarang ini dan kalau pemuda² itu di-beri didekan yang betul tentu-lah pemuda² itu akan mengendalikan segala pentadbiran², masharakat, negara kita yang akan datang dengan baik-nya. Tuan Yang di-Pertua, bagi menyusun dan menolong perkembangan gerakan Pemuda-Pemudi dalam negeri kita ini rasa saya peruntokan yang sa-banyak $150,000 ringgit itu tidak-lah chukup dan memandaï.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong pergerakan pemuda di-masa yang akan datang dalam negeri ini peruntokan sa-banyak $150,000 ringgit dan wang yang sa-banyak itu memandang kapada penting-nya gerakan pemuda dari segi kemasharakatan tentu-lah tidak memadaï. Oleh itu saya rasa sa-pendapat-lah saya dengan Ketua Pemuda Sa-Malaya tentang kekurangan wang sa-banyak itu tidak dapat memberikan gerakan² yang lebeh berkesan kapada pergerakan pemuda-pemudi. Oleh sebab kalau-lah gerakan pemuda-pemudi yang di-adakan dalam negeri ini sa-kadarkan untok menunjokkan sandiwara mithal-nya maka tentu-lah peruntokan itu telah chukup bahkan lebeh daripada chukup. Apa guna-nya mengadakan peruntokkan dalam pergerakan pemuda-pemudi itu sa-kira-nya tidak mendatangkan faedah kapada negeri ini dan juga bukan-lah pergerakan pemuda itu terbatas kapada hendak menunjokkan kebudayaan sahaja atau hendak mengadakan perkelahan sahaja, tetapi yang kita hendakkan gerakan pemuda-pemudi itu ia-lah hendak kita didek, dan di-beri pengetahuan supaya mereka mempunyaï tanggong-jawab yang besar terhadap negara pada masa yang akan datang. Di-dalam memberikan pendidekan terhadap pemuda-pemudi itu supaya tidak-lah terjadi sa-suatu perkara yang akan merosakkan fikiran²-nya dengan memasokkan soal politik, soal siasah yang tidak sa-imbang. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya gerakan pemuda-pemudi dalam negeri ini sa-lain daripada

memperkembangkan kebudayaan atau mempertahankan kebudayaan tetapi yang penting-nya sa-kali ia-lah untok mendidek mereka menjadi anggota masharakat yang akan bertanggong-jawab, menjadi suatu angkatan masharakat yang bertanggong-jawab tidak chukup hanya berpoya² tetapi ia-lah perlu sekali mendidek jiwa raga-nya, jiwa yang ada pada-nya supaya menjadi pemuda yang benar² sehat, sehat pada fikiran-nya, sehat pada pendapat-nya dan sehat bagi mendirikan dan mempertahankan negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak berlaku sungutan² dari sa-tengah² ra'ayat sama ada kita dengar daripada uchapan mereka itu atau pun dengan membacha surat-khabar bahawa gerakan pemuda-pemudi itu telah di-salah gunakan. Ini bukan-lah kita hendak salahkan kapada pemuda-pemudi itu sendiri, dia pergi di-tepi² sungai dan di-tepi² laut mithal-nya berdua²an, kata orang sekarang ini makan² angin Tuan Yang di-Pertua, patut-kah kita menyalahkan pemuda² itu, sebab kita membacha ilmu falsafah, ilmu masharakat bahawa pemuda² itu tidak akan dapat di-tahan jiwa-nya daripada memberontak sama ada pemuda atau pun pemudi-nya. Tetapi yang menjadi kesalahan di-sini ia-lah pendidekan yang di-berikan kapada badan² pemuda-pemudi itu tidak di-titek beratkan kapada soal keperibadian, soal² akhlak, soal budi-pekerti sa-suai dengan pendidekan ugama. Kalau mereka itu daripada orang yang berugama Islam maka kurang di-berikan pendidekan ugama Islam, kalau mereka daripada ugama Keristian maka kurang pendidekan tentang ugama Keristian, dan kalau mereka daripada ugama Buddha maka kurang pula pendidekan mereka dalam ugama Buddha-nya. Oleh itu terdapat-lah beberapa perkara² yang menyolok mata, perkara² yang tidak menyenangkan hati ibu bapa mereka kerana mereka memandang bahawa gerakan pemuda-pemudi ini hanya memburokkan masharakat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak menyalahkan sa-bahagian daripada Ulama'², sebab kalau mereka mengutok gerakan² pemuda². Dan tidak-lah boleh di-salahkan pula pemuda² kalau pemuda² itu menchabar Ulama'² itu. Jadi untok mengatasi perkara ini ia-itu supaya Ulama'² jangan menchabar pemuda dan pemuda² jangan menchabar Ulama'² maka hendak-lah di-utamakan tentang pendidekan dan perlu-lah di-tanamkan dalam jiwa mereka susila rasa sopan-santun ketimoran jangan-lah terlalu atau terlampau ka-barat²an. Dengan ini sadikit demi sadikit dapat-lah di-hapuskan satu faham bahawa gerakan pemuda ini tidak berguna. Tidak-lah pula sekadar menulong pemuda² itu mempelajari ilmu kuntau sa-mata² atau menjadi gulongan orang ber-kuntau dan bersilat kerana ilmu ini sa-lain daripada mereka kurang mendapat didekan akhlak maka ilmu kuntau itu akan menjadi mereka ketua² samsing mithal-nya dalam bandar Kuala Lumpur ini. Beberapa kejadian telah berlaku di-bandar Kuala Lumpur ini mereka membawa pisau, membawa pistol yang tidak berlesen, merompak, mengugut dan berbagai² lagi. Ini bukan-lah kerana pemuda² itu hendak berbuat demikian tetapi oleh kerana dia telah di-ajar ilmu kuntau atau di-ajar ilmu silat dan sa-lain daripada tekanan² hidup dan terpaksa-lah menggunakan dan menchubakan ilmu itu sama ada berjaya atau pun tidak berjaya. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam soal membentok budi dan membentok badan bagi pemuda itu maka budi hendak-lah di-serahkan kapada gerakan ugama dan badan hendak-lah hanya untok menchapai dan memelihara kesihatan, bagi pemuda-pemudi yang pada satu masa kita tidak akan kalah apabila kita hantarkan di-perlumbaan international, umpama-nya olimpic dan lain², bukan hanya sekadar untok menunjokkan kuntau, tetapi juga menunjokkan bagaimana chepat-nya lari dengan badan yang tinggi dan gagah.

**Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah):** On a point of order—36 (1). Oleh sebab perkara² yang di-uchapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada kena mengena dengan Kementerian ini maka segala perkara berhubong dengan pendidekan dan ajaran club² pemuda

itu ada-lah tanggong jawab club² pemuda itu, kerana ada undang² tuboh-nya yang di-buat oleh satu² pergerakan saperti Red Cross, Malayan Youth Council. Tetapi Kementerian ini hanya menguntokan wang sahaja. Saya rasa perkara itu tidak ada sangkut paut dengan perkara ini.

**Mr. Speaker:** Saya rasa perkara ini ada juga kait mengait dalam-nya, tetapi jangan-lah tersangat panjang. Tolong pendekan!

**Enche' Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hendak pendekan tadi, tetapi oleh kerana dia sudah kachau—sudah jadi panjang.

**Mr. Speaker:** Jangan panjangkan lagi! (*Ketawa*).

**Enche' Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya saya hendak berchakap tentang soal 36 (1) ini.

**Mr. Speaker:** Saya sudah beri ruling dalam perkara itu tadi, jangan panjangkan!

**Enche' Othman bin Abdullah:** Terima kaseh, jadi kesimpolan keterangan saya tadi supaya wang yang di-beri kapada pemuda itu dan gerakan ini dapat membentok budi, dapat membentok badan yang sehat bagi satu masharakat yang sehat pada masa yang akan datang.

Satu hal yang terakhir yang hendak saya sebutkan ini ia-lah berkenaan dengan Emergency Expenditure di-muka 182 di-mana peruntokan pada tahun ini tidak ada. Tidak-lah saya ketahuï apa-kah sebab-nya maka perbelanjaan yang serta merta ini ditiadakan. Mungkin Emergency Expenditure ini kita perlukan pada masa yang sudah² bagi menghadapi sa-suatu kemungkinan yang akan datang menimpa ra'ayat dengan serta merta. Mithal-nya binchana alam, sebab ayer bah yang boleh merbahayakan dengan serta merta kapada ra'ayat. Maka tentu-lah Kerajaan atau pemerentah ini telah pun menyediakan persiapan yang saperti itu, tetapi mungkin di-letakan di-tempat lain atau di-bawah Lottery Board mithal-nya. Apa yang saya mahukan sekarang supaya hal² saperti itu memberi pertulongan kapada mangsa² kebakaran, memberi pertulongan kapada mangsa² ayer bah, mangsa yang lain hendak-lah di-tanggong oleh Kerajaan sendiri, tetapi malang-nya pada tahun ini peruntokan-nya tidak ada.

Pada akhir-nya saya suka hendak menyebutkan ia-itu satelah saya menerima satu kenyataan yang separoh resmi malam tadi dari Kota Bharu yang mengatakan bahawa di-Kota Bharu atau tegas-nya pantai timur itu orang² yang sakit otak hanya tidak sampai 50 orang sahaja dan oleh kerana semalam saya telah menyokong dengan Ahli Yang Berhormat dari Parit supaya satu Hospital Otak di-adakan di-pantai timur, tetapi satelah saya berhubong di-sana maka saya dapati orang² yang sakit otak itu tidak sampai 50 orang ia-itu orang² yang telah kalah dalam pilehan raya dahulu. Oleh sebab itu, saya rasa orang² yang sakit otak itu tidak sampai 50 orang maka elok-lah di-bawa ka-Tanjong Rambutan—tidak payah di-buat sa-buah Hospital Otak di-pantai timur, tetapi kalau sakira-nya di-Tanjong Rambutan itu pun kurang tidak chukop tempat maka elok-lah saya shorkan supaya Hospital Gila itu di-dirikan di-Parit, sebab di-Parit itu ayer-nya senang mengalir.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap):** Dato' Pengerusi, saya berchakap berhubong dengan Kepala 29, item (1) Minister of Health and Social Welfare. Semalam kita semua dalam Dewan ini telah mendengar uchapan yang panjang lebar dan penoh semangat kebangsaan yang telah di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat. Dalam uchapan-nya itu dapat-lah kita semua faham betapa mengambil berat-nya dalam usaha-nya Kementerian ini dari setahun ka-setahun untok menjayakan kehormatan kesihatan kapada orang ramai di-negeri ini dan kata²-nya dalam uchapan itu bukan-lah sahaja sedap di-mulut sahaja bahkan juga chuba-lah kita memandang dari sini sepintas lalu di-luar Dewan ini tentu-lah banyak perubahan² yang telah di-adakan semenjak kita menchapai

kemerdekaan. Alham du lillah shukor-lah kerana dengan sebab jaya-nya Kerajaan menjalankan kerja² dengan sebab ada-nya perpaduan ra'ayat negeri ini.

Di-sini saya dan bagi pehak kawasan saya menguchapkan tahniah kapada Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masharakat yang telah berusaha men-jalankan tugas-nya untok memberi jalan kehormatan kesihatan itu bagi faedah ra'ayat negeri ini dan saya mengambil kesempatan memberi sa-pangkuan bunga kebangsaan terhadap Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masharakat itu. (*Tepok*). Dan saya berharap dengan sa-pangkuan bunga kebangsaan itu Kementerian-nya akan terus dan berlebeh² lagi berkerja kuat dan berusaha dari satu hari ka-satu hari untok menjayakan chita² ia-itu untok menjayakan ranchangan khid-matan kesihatan terhadap negeri ini yang bertujuan memberi ka-bahagian hidup kapada ra'ayat negeri ini.

Saya suka juga menarek perhatian Kementerian ini supaya memberi arahan kapada jururawat² kesihatan yang di-khaskan-nya di-kampong² atau pun di-Pusat² Kesihatan supaya mereka itu lebeh lagi banyak berchakap menerangkan berkenaan dengan chara bagaimana hendak mendidek anak² dan chara hendak memberi makanan yang berdzat kapada anak² mereka di-samping itu juga di-ajar chara hendak menjaga kesihatan, kesihatan dalam rumah, kerana saya dapati bahawa bagi kita orang² kampong khas-nya kaum ibu yang maseh banyak lagi kekurangan pengetahuan dalam hal kesihatan ini. Di-sini juga saya tahu yang mana Pusat² Kesihatan yang telah di-adakan itu telah ada juga menunjokkan gambar² di-dinding-nya ia-itu menunjokkan bagai-mana dan chara makanan yang patut di-beri kapada anak² mengikut pering-kat umor anak² yang baharu hingga-lah ka-atas, tetapi ada sa-tengah² ibu itu tidak mengerti pertunjokan gambar itu chuma melihat sahaja gambar² di-situ. Maka saya berharap supaya jururawat² itu lebeh banyak lagi mene-rangkan bagaimana chara-nya hendak memberi dan menjaga makanan dan chara memelihara anak² itu, kerana kita ketahuï bahawa bukan-lah dengan sebab ada sa-tengah² ibu² di-kampong yang mengatakan kita dudok di-bandar ini lebeh kesihatan dengan sebab banyak wang—makan daging hari² atau makan mentiga, pada hal mereka itu tidak tahu dzat yang banyak itu ia-lah sayor² di-kampong yang mereka berchuchok tanam sendiri itu-lah yang baik di-makan tetapi oleh sebab mereka itu kurang faham maka itu-lah yang saya minta supaya jururawat² itu lebeh banyak lagi memberi perhatian untok menjayakan perkara ini.

Di-samping itu juga berhubong dengan muka 176, sub-head 35 National Association of Women's Institutes, Malaya peruntokan sa-banyak $75,000. Di-sini saya ingin mendapat tahu dari kementerian ini wang yang di-untokkan sa-banyak ini berapa-kah daripada wang itu yang di-hantarkan ka-kampong yang mana tujuan kita itu ia-lah hendak memberi berbagai² ajaran yang baik dan berguna terhadap perempuan² dalam Tanah Melayu ini. Di-sini saya suka menarek perhatian dan mengshor-kan kapada Kementerian ini ia-itu oleh kerana wang ini mendapat kelulusan dari Dewan ini maka semolek²-nya supaya pejabat Perkumpulan Perem-puan yang berpejabat itu dapat mengeluarkan penyata-nya untok di-beri pada tiap² Ahli Yang Berhormat di-sini supaya dapat tahu daripada wang yang di-untokkan itu berapa yang di-belanjakan untok menjayakan tujuan kegunaan Perkumpulan Perempuan ini, dan dari pada peruntokan ini berapa banyak untok bayar gaji kaki tangan di-pejabat-nya. Terima kaseh.

**Enche' Chin See Yin (Seremban Timor):** Mr. Speaker, Sir, referring to the speech of the Honourable Minister of Health and Social Welfare made in this House yesterday, I wish to refer to three points: (i) on drugs, (ii) on the issue of the motto, and (iii) on the appeal to private practitioners.

Regarding the question of drugs, Sir, I would refer you to page 176, sub-head 22. Under that you will notice that for the year 1960 the estimate was $4,200,000 and that for 1961 the amount is increased to $4,300,000. Therefore, the actual increase between 1960 and 1961 is $100,000. If you will remember, the Honourable Minister told us yesterday that the average

increase in population is about 200,000. Sir, with an increase of 200,000 in population we have only an increase of $100,000 for the purchase of drugs, and I would certainly ask the Minister to kindly consider whether this additional sum of $100,000 is sufficient to meet the needs of these additional 200,000 people. He has told us that drugs and equipment have been given to us as gifts by many countries and organisations, but, Sir, you will appreciate that he said that the question of wealth in this country very much depends on health. To maintain the standard of health in this country, I think we require a colossal sum of money and how can it be possible for us to get the standard we enjoy now. Then again on the question of drugs, many years ago the poor and illiterate all over the country would go to dispensaries and hospitals only in cases of necessity. If they are able and have the money to consult a private practitioner, surely they will not have to go to a hospital or clinic for free medicine. I know a case—in fact, several—of a carpenter who has several children. He brought one of his children who was 2 years old to the Seremban Town Clinic and there he was given a prescription: for a bottle of medicine and for an injection. When he went there with this prescription he was told to pay $5, but on searching his pocket he found that he was able to produce only $2, and he was given only the medicine and the injection was not given to his child. Only the next day he was able to borrow some money and bring it down and only then was his child able to get the injection. I think we all agree, Sir, that medical service is the responsibility of the Government and the colossal sum of money we are going to spend on other items, I think, will not serve any purpose unless we are able to serve the people and keep up the standard of health which we now enjoy. That is a point I would ask the Minister to kindly look into.

Now on the question of the motto he referred to in his speech—courtesy and efficiency—that is a very praiseworthy phrase. On the other hand, I appreciate the amount of work he has done to try to instil into the employees of the Medical Service and the hospital staff to be kind, courteous and polite to the people, particularly to the poor and illiterate. That was his emphasis; I know he is no superman. But coming back to my town, I would ask him to go and see for himself and hear the views of the people there. The service provided to the people there is a matter of concern and I would also ask him to send somebody there to find out and to hear the views of the people as regards to the treatment accorded to these patients. That again is a point which, I must say, is a matter for regret, if I may say so, because, Sir, in many cases in the third class ward, to get a glass of hot water you have to pay 5 cents, and I myself know that. Without paying that 5 cents you cannot get a glass of hot water. It is true, and I ask you not to take my word for it but to send somebody to find out whether this is true or not. I do not blame him or his Ministry. It takes time to improve, I agree, but I hope that matter will soon be improved.

Now, Sir, much has been said about mercy flights and what can be done to the people in the rural areas, but unfortunately the hospital in my town—which is rather old and, I think, the door of the third class ward is rather old and the hinges are rusty so that to get admission into the third class ward is very difficult; but the door to the second and first class wards is well greased and there is no difficulty to get into them. This is a matter I would ask him to kindly look into.

Sir, on the question of appeal to the private practitioners, we know that private practitioners today enjoy a very good pay, but, Sir, if the Honourable Minister considers that their services are now necessary to the country, I would suggest to him to consider legislation on a national health service. It may be costly, but eventually I think it would be for the good of the people. And as he says unless there is health, there is no wealth, I would ask him to look into this question.

**Mr. Speaker:** How is that related to the provision in these Estimates? I am prepared to give you a certain amount of latitude, but you should not take too

long. You can make suggestions—that I can allow, because that will not involve the general principles of policy, which we have already debated. Therefore, I would like to warn you to confine yourself within the policy of the service for which provision is made in these Estimates. These have nothing to do with private practitioners. If you have any suggestions, I will not stop you, but don't take too long.

**Enche' Chin See Yin:** Mr. Speaker, Sir, I appreciate your view. But I am referring merely to the speech of the Minister on the question of considering asking private practitioners to render their services to the country; and in view of his suggestion that health is so necessary to wealth, I suggest that a national health service is of paramount importance in order to enable us to keep to the standard of health that we are now enjoying. That is my point.

Now, Sir, coming to the question of social welfare, I think a day or two ago in this House we heard so much spoken on the question of the children who will not be able to get admission to schools and I think that if we are going to spend so much money on these organisations, the Honourable Minister should kindly consider looking into the question of asking these organisations to do something to provide accommodation in connection with the education of these less fortunate children who should be asked to stay in such accommodation.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara):** Tuan Yang di-Pertua, berchakap kapada budget Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ini, telah sama² kita dengar keterangan² daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan kalau kita dengar dan kita pandang betul² dan kita bawa balek ka-tempat kita masing² saya rasa, bukan-lah kita patut menguchapkan tahniah kapada gerak langkah yang telah di-buat oleh Kementerian ini yang sekarang ini telah nyata sampai ka-kampong² sa-hinggakan banyak di-antara hujah² yang dikeluarkan oleh pehak pembangkang tadi, tidak-lah boleh di-terima oleh ra'ayat sekarang ini. Dalam membahagi uchapan wakil daripada Tanah Merah tadi mengatakan, tidak ramai orang yang berpenyakit otak di-Pantai Timor dan keterangan-nya semalam mengaku kerana penyakit otak sa-bahagian orang sahaja. Saya rasa, saya bersetuju dengan chadangan-nya yang baharu tadi, kalau hendak di-dirikan Hospital Penyakit Otak itu, boleh-lah dirikan di-Malacca. Sebab kalau di-hantar ka-Pantai Timor hanya sa-bahagian Kerajaan yang memerentah di-sana dan Yang Berhormat itu . . . . .

**Mr. Speaker:** Ini fasal penyakit otak (*Ketawa*), saya fikir jangan-lah di-panjangkan lagi. Kalau sa-orang Ahli Yang Berhormat berchakap patut di-dirikan di-sana, patut di-dirikan di-sini, itu bukan masaalah yang kita hendak bahathkan dalam Dewan Ra'ayat ini.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Saya memandangkan tadi kerana kegunaan-nya. Jadi banyak orang . . .

**Mr. Speaker:** Ta' payah-lah.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Kerana jauh pergi ka-Tampoi.

**Mr. Speaker:** Masok-lah perkara lain pula.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Kemudian, saya patut berchakap dalam Dewan ini keterangan² yang diberikan oleh Menteri Kesihatan dan apa yang telah ada, ada satu perkara yang patut saya beri tahu dalam Rumah ini ia-itu benda baik atau perkara² yang baik yang di-susun dan di-ator yang di-sampaikan oleh Hospital² atau oleh hajat atau niat daripada Kementerian Kesihatan ini kadang² ada juga yang menjadi rosak. Sebab, bukan-lah saya berchakap ini kerana hendak menudoh rakan² kita yang bekerja dengan Kerajaan sekarang ini tidak bertanggong jawab tetapi ada sa-bahagian kechil saya rasa, patut di-nasehatkan oleh Kementerian ini ia-itu terutama sa-kali pegawai² yang bekerja di-Hospital yang menerima orang sakit. Jadi, kalau di-terima dia dengan layanan yang baik, dengan nasehat yang baik, dengan tidak di-akalkan; kadang² dia kata doctor ta' ada pada hal dia segan hendak berchakap hal orang itu

dengan doctor, ini sudah terjadi pada suatu masa dahulu. Jadi, benda ini saya rasa, hendak-lah di-baiki dan tentu-lah ra'ayat semua atau orang yang mengidap penyakit berasa lapang hati dan senang pula hendak berubat yang sekarang ini memang orang² kita walau pun dudok di-hujong² kampong atau di-hujong² hutan atau atas gunong, suka hendak berubat di-hospital dan mendapat bantuan ubat daripada doctor² kita.

Kemudian, berchakap berkenaan dengan hal kesihatan, ada satu perkara yang nampak saya patut di-ambil berat oleh pehak Kementerian ini ia-itu berkenaan dengan rumah tempat tinggal pekerja². Rumah tempat tinggal ini yang mana saya dapat tahu pehak Kementerian ini chepat boleh mendapatkan rumah² bagi pegawai² yang tinggi. Sa-patut-nya orang ini ta' payah kita berikan rumah kerana allowance sewa rumah-nya banyak sebab gaji-nya besar. Tetapi bagi pekerja² yang rendah umpama $200 ka-bawah, dia sudah mendapat rumah di-Hospital ini dan dia terpaksa menyewa dan allowance-nya pula kechil, kemudian dia sewa mahal. Kemudian $200 itu kalau hendak di-bahagi²kan, saya rasa, susah hendak dia menjalankan tugas-nya dengan lichin di-dalam Kementerian ini.

Jadi, walau bagaimana pun, saya suka-lah juga berchakap perkara Social Welfare dalam muka 180 sub-head 31, bantuan kapada kesatuan² atau kelab² pemuda sa-banyak $150,000 itu. Saya suka berchakap di-sini, sebab agak-nya saya maseh muda lagi dan ada berhubong pula menjadi ahli dalam sa-buah kelab bukan sa-bagai pegawai tinggi. Saya dapati banyak di-antara, terutama wakil Tanah Merah tadi berchakap yang dia nampak luar, yang dia nampak tiga orang Jawatan-Kuasa hendak datang meshuarat atau pun dia nampak orang itu pulang daripada meshuarat, berjalan bersama² atau pun kebanyakan mata-nya terpandang kapada bahagian bandar² sahaja. Saya suka meminta kapada kementerian ini di-dalam memberikan bantuan wang peruntokan sa-banyak $150,000 nampak-nya banyak-lah arahan² yang dapat di-berikan kapada persatuan² pemuda pemudi ini. Saya sendiri telah menyaksikan bagaimana pehak kesatuan² di-arahkan ya'ani mengumpulkan pegawai²-nya bermeshuarat dan menerima course yang tertentu. Course menjadi Setia-Usaha-nya, course menjadi jawatan kuasa, tugas² pemuda dalam masharakat. Kemudian, saya patut memberi tahu pula, sa-tengah² pemuda pemudi ini telah memanggil pensharah hal berkenaan dengan kesusasteraan, hal bahasa, macham² lagi untok kebajikan kapada ahli²-nya. Dan sa-tengah²-nya dapat pula galakan untok menubohkan pasokan music-nya di-kampong² dengan bantuan atau pertolongan daripada Jabatan ini. Saya rasa, daripada kita membiarkan atau berchakap menyeru sahaja orang lain atau anak² muda kita menjadi sa-orang manusia yang berguna pada masa akan datang, arah²an bagini patut-lah kita galakkan, patut hubongkan lagi kapada Jawatan²-Kuasa atau kapada persatuan² yang bersangkutan.

Kemudian muka 176 sub-head 37, bantuan kapada St. John Ambulance Brigade sa-banyak $15,000 pada tahun 1961. Saya berchakap dalam hal ini; saya pun belum lagi dapat penyata-nya yang terang, ada-kah duit atau wang yang di-untokkan $10,000 itu chukup pada tahun 1960 dan pada tahun 1961 telah bertambah menjadi $15,000. Jadi, saya rasa ada lagi yang patut kita siasat pada masa akan datang, benda ini chukup atau tidak. Saya faham, St. John Ambulance Brigade ini sudah-lah di-jalankan sekarang sampai ka-kampong², di-mana tempat² orang ramai pemuda² kita dengan suka rela menubohkan Brigade² ini dengan keadaan-nya yang di-dorongkan oleh pasokan St. John Ambulance Brigade ini. Jadi, apa yang saya nampak daripada kesusahan² yang di-timbulkan ia-lah hendak menubohkan pasokan ini kerana kekurangan wang. Apa yang saya maksudkan kekurangan wang itu, bila di-tubohkan satu pasokan dalam sa-buah kampong mithal-nya, kemudian mereka ini akan di-beri latehan atau sharahan² bagaimana hendak menjadi sa-orang ahli Pertolongan Chemas, kena-lah kita memanggil pensharah² yang berkelayakan memberikan sharahan. Jadi, ada tempat yang susah pensharah² itu hendak pergi di-tempat itu, kalau ada pun Hospital Assistant, kemudian kalau bangsa-nya atau jenis-nya Hospital

Assistant itu berbangsa lain, susah pula dia hendak sampai benda² itu maka terpaksa-lah kita hendak memanggil pegawai daripada luar—daripada jauh dan kena-lah kita membelanjakan wang yang banyak. Jadi, bila soal ini di-timbulkan untok mendapatkan yuran atau pun menambahkan bayaran kapada ahli², timbul-lah kesusahan dan lambat-lah benda ini terjadi. Jadi, saya rasa, walau pun saya tidak hendak menchadangkan supaya ditambah peruntokan itu tetapi patut-lah di-timbangkan pada masa yang akan datang sa-kira-nya benda ini hendak di-jalankan dengan baik maka hendaklah kita atorkan chara-nya dengan munasabah.

Akhir-nya, saya suka menutupkan perchakapan saya pada pagi ini, yang nampak benar dalam kawasan saya pada masa ini kawasan Malacca Utara, ia-lah kemajuan² yang di-datangkan oleh Kementerian Kesihatan ini. Kerana beberapa banyak benda² yang tidak ada, yang tidak pernah di-fikirkan pada masa dahulu, sekarang sudah sampai saperti di-tepi rumah dia diadakan Clinic, ta'payah naik bus jauh². Jadi, bagi pehak saya berdiri di-sini ada-lah menguchapkan tahniah dan terima kaseh banyak² kapada Kementerian Kesihatan yang telah mengatorkan ranchangan² memberi penggunaan kapada sekelian ra'ayat.

**Enche' K. Karam Singh (Damansara):** Mr. Speaker, Sir, before I go on to discuss this Ministry, I would just like to reply to a charge that was made by the Assistant Minister of Commerce. He said that synthetic socialism was troubling him. I will not comment on that, because it is out of place. I will only reply by saying that we are Socialists and we do not make any pretence like the Alliance is doing of creating synthetic capitalists—not only synthetic capitalists but also pneumatic capitalists, pneumatic in the sense of pneumatic rubber tubes (*Laughter*), because capital requires formation, development and accumulation. It cannot just be created that easy.

Mr. Speaker, Sir, there is one suggestion which I would like to make about the naming of hospitals in our National Language. We remember that General Templer changed the name of police stations from Rumah Pasong to Balai Polis, because "Rumah Pasong" did not have a very good implication in it. In the same way, I do not think it is very good to call our hospitals Rumah Sakit, and neither would the Honourable Minister concerned like to be called "Menteri Sakit" (*Laughter*), or for his Ministry to be called "Kementerian Sakit". We would prefer a name which would suggest not sickness but recovery from sickness. I hope that the linguistic experts that may be available may be able to suggest some appropriate name.

Mr. Speaker, Sir, in his speech yesterday the Honourable Minister said that top priority would be given in the Government second Five-Year Development Plan to medical and health services in the kampongs throughout Malaya and the *Straits Times* had given the headline "Ong—Rural Health is Top Task." But I would like Honourable Members to remember, when we look into the Estimates, that there is no special provision there for the expansion of the medical and health services into the kampongs. Therefore, the statement of the Minister is not a statement of fact and he also says somewhere in his speech that the rural health scheme will depend on how much money is allocated to it in the Five-Year Plan; this makes the possibility of the expansion of medical facilities into the kampongs even more remote and not so real as it may seem. From what we know about medical services in the kampongs, there is a vacuum, a veritable vacuum, in respect of medical facilities for our kampong people. To fill the vacuum in the field of medical services, we have to build up that Service, and we cannot just build it up by trying to fill that gap or vacuum verbally. I would suggest that the speech made yesterday by the Honourable Minister was a verbal attempt to fill the medical vacuum in our kampongs.

The Honourable Minister has very proudly announced that airlifts had

taken place in certain cases of people suffering in the kampong being taken by plane to major hospitals. The Minister might have thought that he was behaving like one of those gallant knights of the fairy tales, or, probably like Tarzan rescuing the women in our kampongs. But, Sir, what we want to know is whether these airlifts are any solution. I would say that they are no solution—they only indicate a very small attempt to help serious cases. For every case that is helped, for every airlift that is done, I am sure there are thousands and thousands of cases which go unheard of and unattended to—and, of course, the newspapers do not report these cases and our nation may not know about them. What we ask the Government to do is to stop publicising all these airlifts, which are probably six or seven in number, but to start giving a sound and genuine health service to the people. We can also say, without being extreme in our language, that these airlifts savour more of propaganda purpose than to provide a genuine service to our people.

Sir, there is one other suggestion which I would like to make and that is that the standard in respect of the third class wards of our hospitals should be raised to that for the second class. I am making this suggestion so that the ordinary people in our country, who are unable to afford second class treatment, will get second class treatment, because when they are unwell and if they are well treated in our hospitals, when they get well they will go back to their various duties in society and work with pride for a Government and a country that can look after them well.

Mr. Speaker, Sir, there was mention made of juvenile delinquency and Children's Homes. When looking into the problem of juvenile delinquency we must look at the background of the juvenile delinquent, as by doing so we will find out that delinquency is the natural result of bad social conditions. So, if the Minister is really concerned about this problem, what it should do is to better the conditions in our society. It should remove the social causes of delinquency among our youth. Mr. Speaker, Sir, one method which will go a long way to solve this problem is for the Government to take a genuine interest in the welfare of our youths. For instance, if they are orphans, if Government will guarantee that they will receive an allowance, that their mothers will receive an allowance, and that when they are a little older Government can guarantee that they will be given a secure job, then I am sure a great part of this problem will be solved.

Mr. Speaker, Sir, regarding widows —my Honourable friend from Bungsar has said that they were not being taken care of—I personally know of a widow (*Laughter*) . . . .

**Mr. Speaker:** Under what item are you speaking?

**Enche' K. Karam Singh:** Page 180—Old Persons' Homes. This item comes under Handicapped Persons' Services on page 179.

**Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara):** On a point of order, Sir, could we know what is the age of the widow?

**Enche' K. Karam Singh:** I will let my Honourable friend know after the meeting, Sir.

**Mr. Speaker:** That is unnecessary. It is neither a point of order nor a point of explanation—nothing at all. (*To Enche' K. Karam Singh*) I can allow you to speak on that provided it is not too long. You can make a suggestion to the Ministry—I can allow that.

**Enche' K. Karam Singh:** Thank you, Mr. Speaker. Sir, this widow has about seven or eight children and to expect her with probably just two dollars wages a day to look after all those children is asking something beyond the capacity of the old lady. Mr. Speaker, Sir, I would also point out that unless the Social Welfare Department looks into every such case and gives assistance to every such person, we will find that there will be a drop in the morals of our handicapped people, especially among the widows. We do not want anyone to

earn a living immorally. So, for that reason, I would ask the Minister to see that every such person, every such orphan, is given aid by the Government.

Mr. Speaker, Sir, referring to Children's Services and Children's Homes on page 180, I would certainly ask the members of the Government to walk along Mountbatten Road Bridge and see our youngsters—boys between the ages of 3, 4 and 5—lying there barefooted, and without shirts, and some of them swimming in the dirty river, with all the rubbish of Kuala Lumpur flowing into it. Is this taking a genuine interest in our small children?

Another thing, Mr. Speaker, Sir, is that as I was walking to Parliament yesterday, strangely enough I saw a small boy of about 12 to 13 years smoking, and I am given to understand that this is a very widespread problem and I would ask the Minister concerned to look into it also.

**Mr. Speaker:** That is not relevant.

**Enche' K. Karam Singh:** I submit to your decision, Sir. Mr. Speaker, Sir, coming to sub-head 31, Aid to Voluntary Youth Organisations, under Youth Services on page 180, we would like voluntary youth organisations to be aided by the Government. But the Government must be sincere in its aid to these voluntary youth organisations and not impose its own form of subversion from the top on these organisations to try to subordinate them to Alliance Government's policy; these youth organisations must be free and independent, and any aid given to them, although it can have its conditions, should not have strings.

Mr. Speaker, Sir, I would now touch on the health services on estates—I refer to page 175, item 15, Payment to non-Government Examiners at Estate Dressers' Examination. Mr. Speaker, Sir, the Government is taking only a very small interest in the problem of health services on estates. It has only provided $1,500 for health services on estates and that, too, in the form of payment to non-Government Examiners. Mr. Speaker, Sir, as regards the hospitals on estates in Malaya, some of them have wooden blocks for pillows and planks for beds. They are unventilated, they have no mosquito nets and they have no lighting at nights. It is difficult to know whether they are hospitals or medieval prisons; and we do not know how much help they can contribute to the sick on estates. I would suggest to the Ministry that they seriously look into the hospitals on estates and pass legislation for certain minimum requirements in the health services on estates to be satisfied by the estate managements, failing which I suggest there be certain provisions for the Government to act in case of breach of those minimum requirements.

Mr. Speaker, Sir, I am informed that the Chief Medical Officer does purely executive work and does not do any medical work. In the case of purely executive work, Sir, it can be done even by a person with an ordinary School Certificate. It is a waste of medical knowledge, medical skill, medical talent and the salary paid to the Chief Medical Officer if he is asked to do purely administrative work. Mr. Speaker, Sir, not only the Chief Medical Officer but also, I am informed, the State Medical and Health Officers—there are 11 of them in our country—do not do any medical work at all; they only do administrative work in the office. Here again, if this is true, we will find that there is a waste of the medical skill of these State Medical and Health Officers, and that by paying them just to do administrative or clerical work we do not get any value for their salaries unless, of course, they do medical work and attend to the sick.

Mr. Speaker, Sir, on pages 170 and 171 we have salaries for hospital attendants of various grades, hospital cooks and so on. I would like to mention that the living quarters of these hospital attendants are not up to the standard. For instance, in Princes Road, where these attendants stay, you have their bath rooms, which do not even have doors. Mr. Speaker, Sir, is it good for their efficiency, for maintaining the morale of these hospital attendants, to have such housing conditions where they do not have even doors for their bath rooms and where they do not have bath rooms for women

apart from bath rooms for men? So, I would ask the Ministry to do this little service to the attendants in hospitals and see that they are provided with proper living conditions.

Mr. Speaker, Sir, speaking on tuberculosis, we find—especially in my constituency—I hope I wouldn't be misunderstood for being provincial in my approach, I am only giving an example and I am not making any special demand for my constituency—that there are a great number of people in our country who suffer from tuberculosis. But they are unable to get medical treatment, and the result is that these people simply lie at home unable to get a place in hospital and they suffer and their families suffer as well. This is a very serious problem concerning a very dangerous disease and we hope that adequate steps will be taken to ensure that every case of tuberculosis will receive treatment in hospital.

Mr. Speaker, Sir, I have to mention about beggars, because they came up in this House during the debate and a certain Honourable Member said that there were certain professional beggars, and that they should not be patronised. But, Sir, not patronising professional beggars will not solve the problem of professional beggary. Mr. Speaker, Sir, these professional beggars are people who are not destitute; they are able-bodied but they still go about begging, and I could inform the House that there is a racket among these professional beggars. They go out and beg during the day, and at the end of the day they meet in a certain place and keep their accounts to see what profit or what loss, or how much profit, they made on that day.

**Mr. Speaker:** I have got to interrupt there. We are coming to Head 42, Police, and I think this will come under Police.

**Enche' K. Karam Singh:** Mr. Speaker, Sir, I would also mention that there is no up-to-date or advance treatment for heart disease in our country, and I was also informed that there is a shortage of oxygen cylinders in Malaya and in urgent cases oxygen cylinders have to be brought in from Singapore. If this is true, I would ask the Minister to take urgent steps to solve the problem of shortage of oxygen cylinders.

**Mr. Speaker:** Ahli² Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan ia-itu kita ada satu hari sa-tengah sahaja lagi untok menghabiskan semua Schedule yang ada di-hadapan Majlis ini. Sekarang hanya-lah baharu sa-paroh sahaja habis daripada Kepala² yang ada dalam Estimates. Oleh itu saya merayu kapada Ahli² Yang Berhormat supaya memendekkan uchapan itu dan kalau boleh jangan-lah di-ulang perkara² yang sudah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat sama ada sa-malam atau pada pagi ini.

The meeting is suspended for 15 minutes.

*Sitting suspended at 11.28 a.m.*

*Sitting resumed at 11.50 a.m.*

(Mr. Speaker *in the Chair*)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

Debate resumed on Question:

That the sum of $91,810,242 for Heads 29 and 30 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

**Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam):** Tuan Pengerusi, Rumah ini telah selalu di-rayu oleh Tuan Pengerusi sendiri supaya tidak berchakap panjang, dari itu saya pendekkan uchapan saya dalam satu dua perkara sahaja. Pertama sekali saya menguchapkan tahniah kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat yang telah menyediakan peratoran-nya termasok dalam chadangan tahun yang akan datang supaya dapat di-laksanakan dengan memberi puas hati ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu. Saya terpaksa menarek perhatian Kementerian ini berhubong dengan keadaan di-Batu Pahat, kerana kekurangan Doctor dan kekurangan Hospital Assistant. Oleh itu, saya berharap kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat memerhatikan dalam perkara ini.

Sa-perkara lagi yang patut di-sebutkan di-sini berhubong dengan hal

post-mortem. Saya selalu mendapat rayuan dari orang² kampong ia-itu apakala sa-saorang itu mati kerana tertimpa kayu, atau lemas maka terpaksa-lah mayat itu di-belah. Dalam hal ini saya telah berjumpa dengan polis, kata-nya jumpa Doctor dan apabila saya bertanya dengan Doctor kata-nya dia tidak ada kuasa—jumpa polis. Jadi nampak-nya terlampau susah hendak menimbangkan dalam perkara ini. Saya minta kapada Kementerian ini berhubong dengan pegawai yang berkenaan dengan apa chara sekali pun supaya kalau sa-kira-nya ada orang mati lemas, tertimpa kayu atau pun kalau warith-nya tidak hendak menuntut apa², patut-lah mayat itu tidak payah di-belah lagi.

Muka 179 berkenaan dengan orang² tua. Di-Batu Pahat Hospital-nya terlampau kechil dan terlampau ramai orang² sakit. Ada satu daripada bilek-nya tidak kurang dari 10 orang tua yang berumor di-antara 60-70 tahun dudok di-situ dan sudah dudok di-tempat itu lebeh kurang 7 atau 10 tahun lama-nya. Nampak-nya Doctor² di-situ tidak dapat hendak berbuat apa² kapada orang² tua itu. Maka saya fikir kalau dapat supaya Kementerian ini menjauhkan orang² tua itu dari-pada tempat tersebut supaya dapat bilek atau ward itu di-gunakan untok orang² sakit yang betul hendak menggunakan tempat itu.

**Enche' Mohamed Dahari bin Haji Mohd. Ali (Kuala Selangor):** Dato' Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap berhubong dengan item (77); (78); (79); (115) dan (117). Dato' Yang di-Pertua, berlawanan dengan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar yang menudoh bahawa uchapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ini di-atas kejayaan Kementerian-nya ada-lah satu khayalan. Maka saya suka hendak memberi tahniah kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat di-atas kejayaan yang telah di-peroleh-nya dalam bidang kesihatan dan kebajikan masharakat dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu telah menganjorkan kapada Rumah yang berhormat ini supaya Kerajaan melakukan apa yang di-katakan "de-centralisation" dalam bidang kesihatan dalam negeri ini. Shor ini nampak-nya ada-lah datang dari sa-orang yang tidak tahu tentang dasar Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masharakat. Saya kesal kerana telah berkali² Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat berchakap dan membutirkan dasar Kementerian-nya dalam Rumah yang berhormat ini. Berchakap tentang Kementerian ini yang menitek-beratkan dalam hal memberi keutamaan kapada Rural Health Training Centre ia-itu mendirikan Rural Health Centre di-tempat² orang ramai bagi membuat clinic, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu telah menunjokkan yang dia tidak tahu tentang perkembangan dari dasar ini dengan mencheritakan kapada kita tentang apa yang di-katakan-nya kesulitan² dalam kemudahan² kesihatan dan perubatan dalam negeri Selangor ini. Tidak berapa lama dahulu Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat telah membuka satu Rural Health Centre di-Sabak Bernam dan sekarang tanah telah pun di-perolehi untok membuat Rural Health Centre yang baharu di-Tanjong Karang. Saya berharap supaya bangunan Rural Health Centre itu di-dirikan dengan sechepat mungkin di-atas tanah yang telah di-perolehi itu. Dengan ada-nya Rural Health Centre dan Rural Health Scheme di-kedua² tempat di-Selangor ini maka kita sendiri nampak bahawa telah ada kejayaan yang di-chapai dalam perkara ini. Ini tidak dapat di-napikan oleh Ahli Yang Berhormat itu hanyasa-nya dalam emergency cases umpama-nya di-Sabak Bernam maka baharu-lah di-bawa ka-Telok Anson atau pun Kelang sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu.

Saya tidak tahu apa-kah Ahli itu sedar tentang akibat daripada anjoran de-centralisation saperti yang di-anjorkan-nya itu. Pada pendapat saya sendiri akibat-nya ada-lah menurun darjah atau standard Hospital² kita yang mana ini akan membahayakan kapada kesihatan dan perubatan dalam negeri ini, sunggoh pun ada mempunyai kekurangan, tetapi barangkali

tidak ada tolok banding-nya di-sabelah Tenggara Asia ini. Saya suka hendak menyatakan bahawa walau pun kita mempunyai wang dengan mana dapat kita membuat Health Centres, Sub-Centres dan Midwives Clinics di-mana[2] bandar atau pekan dan kampong, tetapi kalau sa-kira-nya kita tidak ada mempunyai kaki-tangan bagi mengendalikan kemudahan[2] kesihatan itu maka Health Centres, Sub-Centres dan Midwives Clinics itu tidak ada apa guna-nya. Maka sebab itu-lah saya menguchapkan tahniah kapada Menteri Kesihatan kerana menitek-beratkan lebeh dahulu bagi melateh kaki-tangan Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masharakat.

Ada anjoran dalam Rumah yang berhormat ini supaya kita mengadakan sa-buah Hospital Otak. Menurut Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah Hospital Otak ini hanya ada 50 orang yang sakit di-pantai timur maka tidak perlu di-dirikan di-sana. Saya chukup setuju tentang kita menambahkan Hospital Otak itu, tetapi saya suka hendak merayu kapada Menteri Kesihatan supaya beliau menimbangkan perkara ini dengan lebeh berat lagi dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Ketiga, kerana saya nampak banyak perkara[2] mental cases akan terjadi di-Pantai Timur sa-telah bulan July, 1964. (*Ketawa*).

Dato' Yang di-Pertua, sekarang pun ada bayangan[2] bahawa penyakit otak dan urat sarap itu akan berlaku pada tahun itu di-mana ada tanda[2] yang menunjokkan perkara itu akan terjadi.

**Enche' Tajudin bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada tuan kerana membenarkan saya berchakap pada kali ini . . .

**Mr. Speaker:** Itu tidak payah. (*Ketawa*).

**Enche' Tajudin bin Ali:** . . . . terlebeh dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini menguchapkan terima kaseh dan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat kerana mengemukakan satu perbelanjaan yang sangat sesuai bagi tahun 1961, ia telah mengambil masa yang panjang beruchap dan menyentoh segala perkara di-atas hal ehwal kesihatan. Apa yang saya kesalkan sangat, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah apabila ia dudok sahaja sa-lepas memberi uchapan-nya yang sangat terator itu, bangkit-lah Ahli Yang Berhormat dari Bungsar menyatakan ada-lah uchapan Menteri itu semua-nya kosong. Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang sudah kita telah mendengar Tuan Khruschev telah menghentakkan[2] meja dan menghentak[2]-kan kaki-nya di-dalam Pertubohan Bangsa[2] Bersatu. Dan chara itu telah sampai ka-Parlimen ini. Ini satu etiquette Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pembawaan yang keji itu patut di-rentikan. Permintaan boleh di-kemukakan, dan di-atas permintaan yang saksama akan di-layan oleh Menteri[2] yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan Aid to Voluntary Youth Organisations saperti yang di-sebutkan dalam Sub-head 31 itu, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar mengatakan kebanyakan peruntokan itu di-gunakan oleh M.C.A. untok persatuan pemuda-nya. Perkara ini tidak benar, kerana chara[2] yang di-jalankan oleh persatuan pemuda M.C.A. itu sangat terator. Bantuan ini terbuka kapada sa-siapa, tetapi mereka tidak suka bekerja untok orang ramai, chuma mendatangkan keritik[2] yang tidak bertanggong jawab dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, gaya chakap-nya itu besar saperti kita pepatah Melayu: Gajah hendak berak besar, kanchil pun hendak berak besar. Saya patut mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu supaya berhati[2] apabila mendatangkan fikiran dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita bershukor kapada Allah sebab sa-malam Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyatakan angka kematian mengikut rekod telah kurang. Ada satu perkara yang saya sangat khuatirkan ia-lah berkenaan dengan tinggi-nya angka orang beranak dalam negeri ini. Saya rasa itu akan mendatangkan satu masaalah yang besar, kerana sekarang ini telah nampak manik yang akan menjadi satu masaalah saperti tanah dan ubat kurang, tetapi orang

beranak banyak. Oleh itu, saya mengeshorkan kapada Kementerian yang berkenaan mengadakan satu peruntokan untok "birth control" kalau tidak ada tahun ini, pada tahun yang akan datang supaya kedudokan masharakat kita terpelihara di-masa yang kahadapan. Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan beranak banyak ini jarang kapada orang kaya dan orang yang terpelajar, selalu-nya orang yang miskin. Soal-nya ia-lah mereka ini pendapatan-nya sudah-lah s a d i k i t tetapi tanggongan-nya banyak. Saya rasa masaalah ini dapat di-atasi dengan mengadakan "birth control". Oleh hal yang demikian, saya harap shor saya ini mendapat perhatian yang saksama daripada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan dispensary di-Selama. Dispensary ini telah di-dirikan lebeh kurang sudah 50 tahun. Pada masa sekarang ini daerah Selama ini berhampiran dengan satu tempat ia-itu Sebrang Kedah, dan pendudok² di-kedua² kawasan ini lebeh kurang 50,000 orang yang mana mereka ini mengharapkan pertolongan daripada dispensary ini. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan Perikatan ia-itu bagi tiap² 70,000 orang Kerajaan akan memberi sa-orang doktor, tetapi dispensary di-Selama itu kita dapati hanya sa-orang Hospital Assistant yang menjalankan tugas yang seimbang dengan tugas 7 orang doktor. Ini-lah kesulitan yang di-rasaï oleh pendudok di-sana, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak minta perkara yang tidak dapat di-jalankan oleh Kerajaan, tetapi ini satu kesulitan yang amat besar yang mana di-harap mendapat perhatian daripada Kementerian ini dengan saberapa segera. Walau pun perkara ini telah tiga kali di-kemukakan kapada Menteri yang berkenaan dengan sachara rasmi dan tidak rasmi, tetapi jawapan yang tegas belum lagi didapati. Dresser yang bertugas di-situ dahulu gemok-gempal, sekarang ini kurus sebab kerja-nya sangat banyak. Kerapkali ia terpaksa memakai keretanya sendiri apabila menjalankan tugas²-nya di-kampong walau pun ambulance ada, kerana luar daripada masa kerja apabila ada kechemasan, derebar ambulance tidak di-dapati, dengan hal yang demikian, terpaksalah Hospital Assistant ini memakai kereta-nya sendiri. Dan lagi jalan² dikampong itu tidak sesuai kalau menggunakan ambulance masok ka-kampong itu. Saya mengeshorkan supaya Kerajaan memberi elaun motokar mengikut tingkat yang di-benarkan oleh Kerajaan. Manakala angka Hospital Assistant bertambah, saya harap Menteri menghantar sa-orang laki² atau wanita, tetapi jangan wanita yang memakai kain batek, sebab nurse pakaian-nya puteh—(*Interruption*) dan saya suka menyatakan ada-lah ubat yang moden itu, kebanyakan-nya mengandongi alcohol. Pengundi² dikawasan saya ia-itu Larut Utara menerima-nya dengan baik, tetapi bagaimana pula pehak PAS? Saya harap mereka itu akan mengeluarkan satu "nas" baharu sama ada hendak terima atau tidak . . . .

**Mr. Speaker:** Perkara itu jangan dijadikan satu perbahathan . . . .

**Enche' Tajudin bin Ali:** Tidak . . .

**Mr. Speaker:** . . . . . kalau di-langsongkan, saya akan suroh dudok.

**Enche' Tajudin bin Ali:** Ini perkara lain, Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Mr. Speaker:** Sa-belum tuan berchakap (kapada Enche' Tajudin) saya minta Yang B e r h o r m a t Deputy Speaker mengangkat songkok-nya daripada papan nama itu, kadang² orang tidak nampak nama itu.

**Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, untok penerangan. Kalau Ahli Yang Berhormat itu selalu menyebut pakaian wanita dan lain², jadi nampak-nya hendak merendahkan kami yang ada dalam Dewan ini.

**Enche' Tajudin bin Ali:** Saya suka menjelaskan perkara itu, Tuan Yang di-Pertua, jangan pakai kain batek, sebab pakaian nurse itu puteh . . . .

**Mr. Speaker:** Perkara itu tidak menjadi perbahathan dalam Majlis ini.

**Enche' Tajudin bin Ali:** Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini menguchapkan

banyak² terima kaseh kerana menguntokkan wang sa-banyak $35,000 bagi pertolongan kechemasan dan sabagai-nya yang mana ini satu perusahaan yang baharu dan luar biasa.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untok beruchap dimuka 161 item (5) Director, Medical Service. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kapada Kementerian yang berkenaan supaya hendak-lah Director ini dapat memberikan directive-nya kapada M.O. di-Estate² supaya doctor di-tiap² Hospital akan dapat menjalankan tugas-nya dengan sunggoh² untok memereksa orang² sakit. Kerana saya berkata bagini, Tuan Yang di-Pertua, maseh ada lagi doctor² yang tidak berapa mengambil berat tentang memereksa orang² sakit. Sa-kira-nya ada orang sakit datang maka ditanyakan: "awak apa sakit", di-jawab: "saya sakit perut". Terus doctor itu mengambil satu kertas kechil ditulis-nya, "pergi ambil ubat". Maka dengan jalan yang demikian, orang² sakit itu tidak merasa puas hati kerana doctor itu tidak menjalankan pemereksaan yang betul atas penyakit yang di-deritaï oleh orang yang sakit itu. Maka banyak juga doctor² yang baik menjalankan tugas-nya dengan sunggoh². Kalau sakira-nya sa-orang sakit maka di-ambil-nya Telescope di-pereksa-nya tangan orang itu dengan memereksa darah-nya dan sa-bagainya. Jadi, jikalau di-bandingkan ini ada-lah juga di-antara doctor² itu yang chuai dalam melaksanakan tugas-nya. Jadi, saya harap supaya Yang Berhormat Menteri kita akan mengambil perhatian dalam hal ini.

Sa-sudah itu juga, Tuan Yang di-Pertua, supaya pegawai di-Chemistry di-dalam Hospital² itu menuliskan botol² ubat bagaimana atoran chara² memakan ubat itu dengan tulisan bahasa Kebangsaan. Kerana maseh ada lagi; ada Hospital² yang telah menjalankan dengan bahasa Kebangsaan tetapi maseh ada lagi dengan menulis bahasa Inggeris. Sedangkan boleh di-katakan 80 peratus ia-itu orang² yang datang ka-Hospital itu tidak tahu berbahasa Inggeris. Dan saya pernah mendengar di-Radio daripada Yang Berhormat Doctor Radio kita ia-itu menguchapkan tentang hal ini supaya Hospital² hendak-lah menulis di-botol² itu dengan bahasa Kebangsaan pada tahun yang lalu kalau saya tidak salah. Jadi, lebeh bagus kalau sa-kiranya directive ini di-datangkan dari puncha-nya betul² supaya dapat diikuti oleh segala pegawai² Hospital di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa shukor dan berterima kaseh kapada Kementerian Kesihatan kita, kerana saya pernah mengikuti disurat khabar ia-itu uchapan beliau kapada pegawai² Hospital supaya hendak-lah melayani orang sakit itu dengan chara halus, chara beramah tamah, tetapi lagi bagus kalau sa-kiranya dapat di-atorkan juga di-tiap² Hospital itu supaya pegawai² Hospital lebeh² lagi Nurse, Assistant Nurse, Bidan² dan Ayah² melayani orang sakit di-dalam Hospital itu berlaku sabagaimana apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita. Kerana maseh ada lagi yang tidak mengikut sa-bagaimana yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri kita.

Di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ka-muka 171, item (270) Chief Public Health Inspector. Saya merasa, pegawai² ini terdiri daripada kaum bapa sahaja atau mungkin ada wanita-nya tetapi tentu-lah tidak banyak. Jika sa-kira-nya ada wanita dan kalau tidak banyak maka saya minta supaya di-banyakkan jumlah pegawai² wanita-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta supaya Standing Orders 41 (*e*) di-jalankan yang berbunyi, Tuan Yang di-Pertua, "masa sa-saorang ahli itu berchakap, semua ahli² lain hendak-lah diam dan tidak boleh mengganggu dengan chara kurang adab". Sebab selalu saya terganggu dengan chara kurang adab ini dari saudara² saya, tengah² saya memberi uchapan.

**Mr. Speaker:** Saya tidak nampak.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Di-dalam soal Chief Public Health Inspector ini, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya di-adakan

pegawai wanita-nya. Kerana saya merasa, di-bawah Chief Public Health Inspector ada nanti Health² Inspector-nya pula yang akan di-atorkan kerja²-nya oleh Chief Public Health Inspector ini. Saya merasa, kerja² ini sangat bersesuai sakali kalau di-berikan kapada wanita. Sebab saya melihat Public Health Inspector di-negeri² yang saya ada pergi ada-lah terdiri dari kaum lelaki sahaja sedangkan kerja Public Health Inspector ini ia-lah untok memereksa atau mengepaskan satu kedai makan sa-telah di-lihat tempat itu chukup berseh maka di-paskan kedai makan itu.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Saya tidak beri jalan.

**Mr. Speaker:** Dia tidak beri jalan.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, untok ini saya rasa, pekerjaan ini sangat sesuai sakali kalau di-berikan kapada wanita. Dan juga saya berfikir kerja Public Health Inspector ini banyak mithal-nya terdapat untok satu² kampong di-dalam Rural Development yang kita akan jalankan ini, kalau wanita memereksa di-kawasan kampong² itu supaya berseh dan kebanyakan di-kampong² itu yang menjadi tuan rumah ia-lah ibu di-dalam rumah tangga itu supaya mereka dapat memberikan nasehat² sa-hingga ke-bersehan yang kurang dapat di-lakukan dengan chara betul dan baik. Dan ini akan mendatangkan kesihatan yang sangat baik bagi masharakat bangsa kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ka-muka 163 item (53). Di-sini ada peruntokan sa-banyak $23,400 untok Medical Officers for Aborigines. Saya ingin bertanya kapada Kementerian yang berkenaan ada berapa orang-kah Medical Officers for Aborigines yang sa-macham ini dan apa-kah ada Hospital² yang khas untok mereka ini di-dirikan oleh Kerajaan kita.

Sekarang saya pergi ka-muka 173 item 334, "vaccination" ini juga Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya beberapa kali saya mengalami masaalah "vaccination" ini kebanyakan-nya daripada orang laki² sahaja. Sebab sedangkan yang di-vaccination itu banyak juga daripada kaum² wanita. Alang-kah bagus-nya kalau pegawai² yang bekerja ini terdiri daripada orang² wanita² juga kerana kerja² itu sangat sesuai dengan orang² perempuan kita.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta hendak memberi penjelasan dan hendak bertanya sadikit kerana dia tidak erti . . . .

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Saya tidak beri Tuan Yang di-Pertua, saya erti (*Ketawa*).

**Mr. Speaker:** Itu kalimah tidak erti tidak boleh di-pakai, tarek balek.

**Enche' Abdul Ghani bin Ishak:** Saya tarek balek.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Sekarang saya terus di-muka 175 sub-head 18, "Public Health Services". Di-sini ada peruntokan sa-banyak $647,000 dan di-dalam tanda kurong itu "Public Health Education" itu peruntokan sa-banyak $53,000. Saya rasa peruntokan untok Health Education ini sangat sadikit sa-kali kalau sa-kira-nya ranchangan² untok Rural Development akan kita jalankan. Sebab makin banyak anak² kita di-dalam Public Health Education maka makin banyak-lah angka² yang akan dapat kita jalankan. 176 darihal sub-head 25 Tuan Yang di-Pertua, "Boys' Home and Girl Guide" peruntokan-nya ada $235,750,000. Di-sini bukan sahaja saya tidak bersetuju Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju. Sekarang dengan didekan Boys' Scout dan Girl Guide dan latehan² yang telah di-berikan di-dalam-nya. Akan tetapi kebanyakan anak² kita yang masok menjadi Scout itu ada-lah daripada murid² Sekolah Inggeris di-Bandar² sahaja. Alang-kah bagus-nya kalau juga anak² kita daripada Sekolah² Kampong dan murid² dari Sekolah Kebangsaan juga.

Dan juga 176 ia-itu sub-head 35 Tuan Yang di-Pertua, darihal "National Association of Women

Institute" ada peruntokan sa-banyak $75,000. Di-dalam soal ini saya sadikit merasa mushkil kerana kalau saya tidak salah Persatuan ini dahulu di-tubohkan dalam zaman penjajahan, dan pada tahun 1953, 1954, 1955 sa-masa saya memegang Ketua Kaum Ibu UMNO selalu bertentang dengan saya. Maka saya sekarang suka memberi fikiran yang sesuai untok mengadakan Persatuan di-dalam soal ka-ibuan ini, tetapi Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya merasa hairan sa-sudah kita merdeka dan bagaimana chorak-nya Persatuan Penjajahan itu di-teruskan oleh pemerentah kita di-dalam Kerajaan yang merdeka se-karang ini. Alang-kah bagus-nya kalau sa-kira-nya nama Persatuan ini di-tukar dengan nama mithal-nya: "Persatuan Wanita Kebangsaan Per-sekutuan Tanah Melayu" jadi ada-lah robah chorak-nya ia-itu dari penjaja-han kapada satu Persatuan wanita di-dalam negeri yang merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat suka untok memajukan kaum ibu untok kepentingan pehak kaum ibu. Peruntokan $75,000 kalau di-banding-kan dengan peruntokan "Public Health Education" tadi hanya $53,000 sahaja, sedangkan untok Women Institute itu $75,000, saya tidak nampak suatu hasil yang ada membawa kemajuan Women Institute ini. Saya di-waktu berjalan di-mana² tempat dan di-dapati tidak ada apa² ke-majuan yang di-buat oleh Women Institute ini, jadi membuang²kan duit sahaja memberikan peruntokan sa-banyak $75,000, alang-kah . . . .

**Mr. Speaker:** Jangan di-panjang²-kan . . . .

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** Kalau sa-kira-nya di-banyakkan per-untokan "Public Health Education" di-kurangkan Women Institute atau supaya ranchangan Luar Bandar untok membela memajukan kesihatan ra'ayat di-kampong² dapat di-seleng-garakan dengan sa-sunggoh-nya.

Sa-takat ini-lah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mudah²an permintaan² saya akan dapat di-fikirkan oleh Kementerian Yang Ber-hormat demi kepentingan kemajuan masharakat bangsa kita.

**Enche' Lim Joo Kong (Alor Star):** Mr. Speaker, Sir, I have only a few observations to make and a very important question to ask the Honour-able Minister. Sir, it is most interesting and appreciable to note that there is an increase of so many Specialists, Doc-tors and Nurses in our country. However, the lack of facilities will not permit them to discharge their duties satisfactorily. It is a well-known fact that there is a general shortage of maternity wards in all the hospitals of our country. I dare say this because of the fact that pregnant women are only admitted at the eleventh hour and no sooner after a pregnant woman delivers her child, both the mother and child are asked to leave the hospital to give way to others. Sometimes due to the wrong estimation of the doctor or the wrong timing of the family clock, the birth of a child has occurred in a car, bus, or ferry—and I know on one occasion a group of civic conscious or rather patriotic ladies built up a great wall of China with their human flesh to protect and to safeguard the pitiable woman, so that she can give birth to her child in peace. Therefore, I pray that the Minister will expand the maternity wards in all the hospitals and build maternity homes wherever and whenever possible.

Sir, one question I wish to ask is this. With regard to one section of the medical services, which is not under the Estimates here—I am not referring to the mental hospital which has been mentioned by so many Honourable speakers before—I feel that such a department might be quite useful—for most probably it may be due to the lack of such specialists or that our specialists are not equal to that of Communist countries that we cannot establish such a department here. This department may be useful to those who do not believe in the policy of the Alliance Government to come into the *Alliance Party*. What I refer to is the infamous and world renown depart-ment of brain-washing, and I think

Honourable Members of this House will be interested . . . .

**Mr. Speaker:** I do not think this is relevant.

**Enche' Lim Joo Kong:** I thought this department of brain-washing is relevant to the medical services.

**Mr. Speaker:** It is not relevant.

**Enche' Lim Joo Kong:** In that case, Sir, I am not going to continue any more.

**Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir):** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan apabila dia menyebutkan sa-malam ia-itu pada hari ini doctor di-Tanah Melayu ini ada menchukupi dan maseh ada berlaku kekurangan ubat. Jadi kalau-lah doctor yang ada di-Tanah Melayu sekarang ini menchukupi, maka saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan menghantarkan doctor selalu dengan kapal terbang berserta dengan ubat-nya ka-negeri Kelantan.

**Dato' Ong Yoke Lin:** Sir, on a point of order—I did not say that there were enough doctors.

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** It is not on a point of order—sebab di-Kelantan ada lebeh daripada 500,000 pendudok ia-itu 10 kali besar-nya dengan negeri Melaka dan chuma ada 2 hospital ia-itu Kota Bharu dan Kuala Kerai. Hospital ini barangkali doctor-nya ada 4-5 orang sahaja, tetapi di-Kota Bharu ada satu doctor sahaja dan pada tiap² hari kita boleh melihat ra'ayat termasok semua bangsa ia-itu lebeh kurang di-antara 300-400 orang yang menunggu di-General Hospital. Sa-hingga kadang² sampai pukul 2 atau 3 petang sa-tengah pun tidak dapat di-pereksa dan saya berchakap ini bukan-lah mendengar sahaja, tetapi sa-bagai Pengerusi Melawat Hospital dan sekarang saya ada menerima rayuan daripada berbagai² orang termasok beberapa parti yang mana Hospital Kota Bharu ini tidak chukup sangat doctor. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian sadikit di-Kelantan itu kerana di-Kelantan itu kebanyakan-nya atau boleh di-katakan semua-nya orang² sakit itu terdiri dari orang² Melayu, tetapi di-hospital itu pada masa sekarang ini tidak ada sa-orang pun doctor Melayu dan doctor² yang di-hantar ka-sana ia-lah orang Indian. Saya bukan-lah hendak menjatohkan orang² Indian, sebab orang ini ada kebolehan, tetapi yang mendukachitakan saya ia-lah doctor yang memereksa orang² sakit itu tidak faham bahasa Melayu, boleh jadi prescription itu salah dan ini yang menyusahkan mereka itu. Jikalau di-bandingkan dengan pendudok² yang sa-bagitu banyak yang terdiri dari orang² Melayu maka mesti-lah ada sekurang²-nya satu orang doctor Melayu dan saya shorkan patut-lah di-adakan 2 orang doctor Melayu di-sana. Lebeh kurang 4-5 bulan dahulu ada sa-orang doctor Melayu, tetapi doctor itu telah di-tukarkan kerana doctor itu telah naik pangkat. Pada hal Hospital di-Kota Bharu itu jikalau kita bandingkan dengan hospital di-bandar yang besar saperti Seremban maka sama juga boleh di-katakan besar-nya, tetapi saya fikir hospital Kota Bharu itu lebeh besar lagi. Jadi apa-lah guna-nya bangunan yang besar kalau doctor-nya tidak ada. Barangkali Yang Berhormat Menteri sendiri tahu bahawa pendudok negeri Kelantan boleh di-katakan pendudok²-nya banyak orang² perempuan, maka kenapa-kah tidak di-adakan sa-orang Lady Medical Officer di-Kelantan? Saya sendiri melihat orang² sakit itu kalau 300 orang 250 daripada-nya ada-lah orang² perempuan yang menunggu hendak di-pereksa untok rawatan, maka dengan ini patut-lah di-adakan sa-orang Lady Medical Officer di-sana dan oleh kerana kebanyakan-nya orang² sakit itu terdiri dari orang² perempuan maka sa-patut-nya doctor² itu dari wanita juga. Di-samping itu saya shorkan quarters patut-lah di-buat dekat dengan hospital itu. Saya tahu sekarang ini ada juga doctor² itu di-beri quarters di-Pengkalan Chepa 6-7 batu jauh-nya dan kalau ada emergency terpaksa-lah mereka itu mengambil masa datang ka-Hospital maka boleh-kah Kementerian ini mem-buat quarters untok doctor² dalam kawasan itu? Dan juga sunggoh pun

perkara ini kechil saperti mana saya mendapat rayuan dari orang ramai supaya di-adakan loching di-tempat² orang sakit yang dudok di-hospital itu. Pada masa sekarang kadang² ada di-beri loching tangan dan kalau-lah orang itu sakit perut tentu-lah tidak ada tenaga hendak membunyikan loching itu. Kalau boleh dekatkan dengan kerusi itu. Apabila di-pichit sahaja tentu-lah dapat ia memanggil dengan serta-merta.

Satu perkara lagi bersabit dengan Mental Attendants di-Kota Bharu. Saya dapat tahu gaji² mereka itu tidak di-beri saperti gaji Mental Attendants di-Tanjong Rambutan walau pun pekerjaan mereka itu sama dan perkara ini barangkali ada dalam pengetahuan Menteri Kesihatan sendiri, tetapi belum lagi di-jawab perkara ini yang telah di-bangkitkan lebeh kurang satu tahun dahulu.

Muka 163, item (71) Male Nurse. Saya chuma hendak mengeshorkan di-sini supaya Male Nurse pada masa yang akan datang tidak akan di-ambil lagi, jikalau kita hendak ambil nurses patut-lah kita beri timbangan kapada wanita atau pun Lady Nurses, sebab nurses ini jikalau kita fikirkan ia-lah menjaga orang² sakit yang sa-patut-nya ada dengan lemah lembut dan tentu-lah jikalau Male Nurse di-gunakan atau di-perbesarkan lagi pada masa yang akan datang tentu-lah orang² sakit itu tidak berapa suka sangat, sebab orang laki² ini kasar sadikit. Saya bukan-lah hendak mengeshorkan hapuskan sama sa-kali, tetapi galakan mesti-lah di-beri kapada perempuan. Sebab perkara rawatan yang layak sa-kali ia-lah kapada wanita dan kalau-lah kita beri pekerjaan itu kapada mereka harus-lah mereka itu dapat pekerjaan di-kemudian hari.

Orang laki² tentu-lah boleh dapat pekerjaan sa-lain daripada nurse. Saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian . . . . .

**Dato' Ong Yoke Lin:** Which Item?

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Item 71.

**Dato' Ong Yoke Lin:** Sa-orang sahaja.

**Mr. Speaker:** What is going on between the two of you.

**Dato' Ong Yoke Lin:** I was asking which Item.

**Mr. Speaker:** Your remark should be directed to me first.

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Saya hendak mengeshorkan Travelling Dispensary itu hendak-lah di-luaskan lagi, terutama dalam negeri Kelantan saperti kawasan Hulu Kelantan. Kawasan ini keadaan-nya saya tahu benar, sebab saya menjadi A.D.O. 3 tahun di-situ. Kebanyakan pendudok di-situ tinggal berdekatan dengan sungai, mereka ini tidak ada mendapat ubat, mereka terpaksa pergi ka-Kuala Krai, tentu-lah payah bagi mereka pergi ka-sana sebab mereka dudok di-tepi sungai. Kalau Kerajaan boleh mengadakan motor-boat untok membawa ubat, ini akan menyenangkan ra'ayat di-sana. Dalam pejabat ini Kerajaan patut membuat policy supaya jangan menukarkan pegawai² itu dengan chepat, pegawai² ini hendak-lah dudok di-satu² tempat itu sa-kurang²-nya 3 tahun, pegawai ini bukan hanya mengubatkan orang sakit, tetapi mereka ini harus tahu adat orang di-kampong dan di-bandar itu. Saya sa-malam mengeshorkan supaya Pegawai Kastam itu di-tukar ia-lah supaya mereka jangan kenal sangat dengan orang ramai di-satu² tempat itu.

Saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan Contribution to the Municipality for Control of Mosquitoes at the Kuala Lumpur Airport, kenapa-kah kita adakan peruntokan ini?

Mengikut uchapan Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara, ia mengatakan tiap² 70,000 orang di-satu kawasan itu jumlah pendudok-nya, sa-kurang²-nya ada sa-orang doktor. Di-Kelantan pendudok-nya ada 500,000 sa-kurang²-nya patut ada 71 orang doktor, saya tidak minta sa-banyak itu, kalau dapat sa-tengah daripada-nya pun chukup, dan saya menguchapkan terima keseh kapada Menteri Yang Berhormat.

Saya ada mendapat tahu di-Kota Bharu ia-itu "Children suffering from

contagious disease put together with children suffering from ordinary sickness". Saya minta Menteri yang berkenaan mengambil satu langkah, sebab kalau kita champorkan orang yang kena penyakit yang boleh berjangkit dengan penyakit yang kechil² tentulah akan berjangkit dengan luas.

**Enche' Tan Tye Chek (Kulim-Bandar Bahru):** Mr. Speaker, Sir, in the course of the speech by the Honourable Member from Kelantan Hilir, I was struck by his statement that there is great disparity in numbers between male and female in sickness in Kelantan.

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Mr. Speaker, Sir, I never said that.

**Enche' Tan Tye Chek:** Disparity in numbers of the sick.

**Mr. Speaker:** He never said that. If you did not hear properly, do not touch on it. Let the Minister do it.

**Enche' Tan Tye Chek:** Mr. Speaker, Sir, I should like to speak on Head 29, sub-head 47, Filariasis Research and Control. There is quite a handsome provision for the research on filariasis or elephantiasis and I am quite sure that with this handsome vote provided the lot of the sufferers of this ungainly and unsightly disease will be very much happier and not only the sufferers themselves but their families as well. I should like to draw the attention of the Minister, as he has mentioned in the course of his speech that it takes about six weeks to effect a cure of the sufferers, that in the course of these six weeks of their treatment these sufferers, who are more often than not also the bread-winners of their families, experience a lot of difficulties because of their loss of income. It would be very much appreciated by the sufferers themselves as well as their families if a little financial help could also be provided for these families as well as the sufferers themselves, so that they do not have to work during the period of treatment or immediately after they have been treated.

Under sub-head 55 on the same page, on Leprosy Research, I should like to draw the attention of the Minister that there are lots of cured leprosy patients that are around in this country. When they fall into some sort of relapse and go to the hospital, these ex-patients attract an unduly lot of attention and the other patients who are in the queue usually scrutinise them so very closely that it could be very embarrassing. Although these cases are not very much in number, it will be a great boon to these poor people if a sort of card system could be introduced for them, so that in case they have a relapse, or whatever other sickness they may be suffering, they can turn up in hospital with privacy so that they will not have to suffer all this embarrassment.

I should like to draw the attention of the Honourable the Minister to Sub-head 20 in page 175 in connection with the provision of $6,000 for the research of sea-snakes and venom. We all know, Sir, that the Minister has explained that he is taking great pains to transport, by helicopter and by air, ladies during their difficulties in child birth. That is all very well and very much to be congratulated for all the good work done. But the danger of these sea-snakes is very apparent in Penang and with our vast programmes of opening up new lands, the dangers of venom from snake bites cannot be over-exaggerated. So, with this little provision of $6,000, I should like to say that we are not tackling this problem fully but just doing a thing half-heartedly.

I should like to refer to Head 29 under Sub-head 22. The Honourable the Minister, in the course of his speech, made a very good slogan that in our hospitals there is no shortage of drugs but that there should not be any wastage. But I have heard too many comments in my constituency that some of our Doctors, who are in charge of Hospitals, and our Hospital Assistants in Dispensaries might have misread this slogan as no usage and there won't be any shortage, because often enough when these people from the kampongs go to a hospital or to a

dispensary, they are given to understand that there is no such medicine in stock. I should suggest that there should be a minimum stock of supply of drugs in all the dispensaries so that, if this is an order, there won't be any comment or any opinion passed to the patients, who require medicine that there is no such medicine in stock in the dispensary concerned.

I wish to refer to the speech made by my colleague from Larut Utara Constituency in regard to the Selama Dispensary. It is true, Sir, that in the Selama Dispensary, quite a number of folks from my constituency turn up for treatment, and it is there, Sir, that the man in charge of the Dispensary, through some misguided jealousy about his duties, often enough refuses to admit and give medicine to those people from my constituency turning up in the Dispensary in his constituency saying that he should conserve the medicine for the use of the people in Perak only. That is a very strange way of arguing. We know very well that, although the Minister has explained that there is no shortage but at the same time no wastage, there are people who cannot get medicine for the treatment of their sicknesses.

I should like to refer to page 171, item (277), I am quite sure everyone in this Chamber is very much aware that in the rural areas, especially in the villages, we have set up make-shift clinics where the women who are facing confinement have got to go through for pre-natal treatment. These women are usually made to lie down on anything we can imagine—some of them are made to lie on bare tables and some are to lie on rickety hard-board benches—so that examinations could be done. This is a very intolerable and disgraceful sight to see, and I hope the Minister concerned will make provisions so that every travelling medical van with a Health Nurse will be provided with a folding bed so that in all these make-shift centres, the women could have a chance to lie down comfortably and have their examinations done.

Now, Sir, I should like to refer to this Social Welfare Section under Sub-head 22, $3,000. I maintain that this $3,000 is a very paltry sum for such important work. We know very well, Sir, that in the case of those children who meet with real hardship this $3,000 cannot go very far. For, through no fault of his own, a child from a poor family might have stolen a violin, for example, when he is a great violinist. That is not surely the fault of the child but it is the fault of his parents or of the society because they could not provide him the violin or the money. Sometimes a child may be a good photographer and may pinch a camera. Society tends to be over harsh in these justifiable cases or meritable cases—this attitude won't do anything good. This provision of $3,000 won't go very far to help.

I should also like to draw the attention of the Minister to page 180 under Sub-head 12. There is in Kedah and I think it is a problem everywhere, that we have destitute old people who are at the same time sick. When these old people apply to be admitted to Old Homes, they are usually turned away because they are sick. The Matron or the man in charge of the Home would say, "Oh! This is no place for you; you are sick and you have got to go to a hospital." When that man goes to the hospital, the Doctor turns him away saying, "You are old; your disease is incurable." So it is apparent there is no provision for helping the old people in this category. Those persons with no relatives to take care of them and who are sick in body and in mind as well are left consequently on the streets without having any place to go to. I wish in this deplorable situation the Honourable Minister could be sympathetically convinced and see if something concrete and maeliorative could be done about it. Any step towards the direction will be very much appreciated. Thank you.

**Mr. Speaker:** The sitting is suspended till half-past-two this afternoon.

*Sitting suspended at 1.00 p.m.*

*Sitting resumed at 2.30 p.m.*

(Mr. Speaker *in the Chair*)

## THE SUPPLY BILL, 1961

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

Debate resumed on Question:

That the sum of $91,810,242 for Heads 29 and 30 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

**Enche' Harun bin Abdullah (Baling):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu saya menyuarakan di-dalam Dewan Yang Berhormat ini ia-itu dalam masa membahathkan per-untokan bagi tahun 1961 saya telah juga meminta kapada pehak Ke-menterian Kesihatan mengambil perhatian di-atas hal Doktor di-Hospital Baling. Alham du-lillah, saya berbanyak² terima kaseh dan me-nguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Kementerian ini telah pun mengambil satu langkah chara kilat ia-itu menghantarkan Doktor yang tersebut itu di-Baling.

Sa-lain daripada itu saya suka berchakap berkenaan dengan hal penyakit batok kering ia-itu barang kali dalam muka 176 Sub-head 32 dalam negeri Kedah ada sa-buah badan sukarela yang telah pun di-bentok yang di-panggil Anti T.B. atau Penchegah Batok Kering. Badan ini telah pun mendapat perhatian yang baik daripada pehak Kementerian ini. Pehak badan ini telah menubohkan beberapa chawangan yang bermaksud hendak menolong lagi chara² ikhtiar supaya penyakit Batok Kering itu tidak merebak dan boleh menolong orang² miskin supaya jangan terdapat penyakit yang tersebut. Ada sa-buah badan yang telah berjaya mengadakan sa-buah rumah untok menguruskan hal² penyakit T.B. wang² terdapat bagi menguruskan hal² ini daripada pehak² kementerian, dan derma dari orang ramai. Tujuan badan ini bukan hanya menolong orang yang sakit itu sahaja bahkan akan memberi per-tolongan juga kapada isteri² mereka yang tinggal di-rumah kerana suami-nya berubat di-dalam Rumah Sakit. Perkhidmatan ini saya rasa ada-lah satu perkhidmatan baharu yang belum pernah di-buat dalam kawasan saya. Sunggoh pun demikian badan ini ada-lah sadikit sa-banyak ke-sulitan-nya tentang kewangan. Saya berharap-lah jika sa-kira-nya Ke-menterian ini dapat memberi bantuan wang yang banyak kapada Lady Templer Hospital Kuala Lumpur ini, saya harap akan dapat di-tambah lebeh banyak lagi kapada badan yang tersebut itu di-negeri Kedah khas-nya di-Kuala Ketil.

Kemudian saya pergi kapada muka 172, item (296) (1) Allowances for kampong Midwives. Dalam kawasan saya ia-itu satu kawasan yang ter-penchil jauh-nya di-hujong negeri dengan sebab itu walau pun telah ada bidan² yang di-hantar oleh pehak Kerajaan di-kawasan itu, tetapi bidan² itu hanya-lah dudok dalam kawasan pekan sahaja. Bidan² kampong yang jauh itu semua-nya menguruskan hal bersalin dengan chara lama sahaja ia-itu chara² dukon. Dengan sebab itu banyak-lah pantang larang-nya, tiada-lah di-beri ibu² itu memakan benda² yang mendatangkan dzat saperti telor, susu dan sa-bagai-nya. Sa-balek-nya mengikut petua bidan² itu hanya-lah di-suroh makan nasi dengan sambal lengkuas kata orang di-sana, dan ikan kering sahaja.

Mengikut chara bersalin yang di-kehendaki pada masa ini maka saya mengeshorkan supaya Kementerian ini jikalau boleh ikhtiarkan untok di-daftarkan bidan² kampong itu dan mengadakan satu kursus dalam masa 6 bulan atau satu tahun kapada mereka itu. Saya sedar tentu-lah pehak Ke-menterian ini tidak dapat hendak men-jalankan dengan sepenoh-nya walau pun ada dalam Ranchangan Kemajuan Luar Bandar yang kita hendak adakan itu, tetapi saya rasa buat sementara ini di-atas shor yang tersebut itu amat-lah mustahak kapada orang² kampong.

Salain daripada itu saya suka menarek perhatian pehak Kementerian ini berhubong dengan satu clinic di-Baling di-mana pegawai²-nya di-datangkan dari Sungai Patani ka-situ.

Clinic di-sana di-tempatkan dalam satu kawasan yang berhampiran dengan Mahkamah. Saya mendapat rayuan daripada pehak ibu² di-sana mengatakan rasa malu kerana di-tepi Mahkamah itu sa-waktu orang² berbichara maka banyak orang laki² yang dudok berhampiran dengan clinic itu, maka kapada ibu² yang mengandong amat-lah memalukan mereka itu. Saya berharap pehak Kementerian ini dapat mengambil berat dalam hal itu. Saya shorkan untok membaiki-nya boleh-lah di-buat satu bangunan sementara, dalam kawasan Hospital Baling. Saya dapati kawasan itu pun luas dan boleh di-buat bangunan tersebut. Mudah²an segala apa yang di-suarakan oleh ibu² itu hilang-lah perasaan malu-nya dan mereka itu lebeh lagi suka berdamping dengan pehak perubatan.

Lagi satu perkara yang saya suka juga membawa perhatian Kementerian ini berhubong dengan hal kesihatan ia-itu satu kumpulan kechil dari orang² asli yang dudok di-Baling. Orang² ini kulit-nya penoh dengan kurap—berkabus sahaja, walau pun telah ada usaha dari pehak Kerajaan Negeri Kedah dan juga Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi tidak juga mendapat perubahan dari pehak mereka itu.

**Mr. Speaker:** Di-bawah Head 32 kita akan membicharakan hal orang² Sakai itu di-mana ada peruntokan-nya sa-banyak $1,076,374. Jadi bila sampai di-situ tuan boleh menyuarakan hal itu.

**Enche' Harun bin Abdullah:** Saya berchakap mengenai kesihatan sahaja. Dalam hal ini pun saya berharap mendapat perhatian Kementerian ini.

**Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut):** Tuan Pengerusi, kita telah mendengar pandangan yang di-sampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi dan juga keterangan dan pandangan yang telah di-beri oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya. Saya rasa perkara yang hendak di-lahirkan ini ia-lah beberapa perkara untok memberi pandangan kemajuan kita pada masa yang akan datang ia-itu hendak memperkatakan sedikit berkenaan dengan muka 161, item (1). Bagitu juga saya hendak berchakap berkenaan dengan muka 169, item (210); (212) dan (214). Dalam perkara² ini saya hendak ringkaskan perchakapan saya dalam perkara umum ia-itu dalam perkara² yang tersebut itu.

Saya rasa kita maseh kekurangan Doctor, kekurangan pegawai² yang hendak mengerjakan dalam hal kesihatan ini. Perkara yang penting sekali kita ambil satu arahan policy dalam Kementerian ini ia-itu perentah United Nations atau World Health Organisation bagi mementingkan soal—"preventive is better than cure." Perkara ini dalam kita memajukan dan kita menanamkan satu langkah yang kita perbesarkan lagi modal dan peruntokan-nya dalam item² yang telah saya sebutkan tadi. Maka kita akan dapat-lah satu chara dengan sendiri-nya kekurangan kedoktoran itu manakala penyakit² itu dapat di-kawal. Maka dengan sendiri-nya kurang orang² sakit itu dan dengan itu usaha² kita pada masa kebelakangan nanti dapat lagi kita adakan pada yang lebeh besar dalam lapangan kesihatan.

Peruntokan² dalam item² (212) dan (214) pada muka 169 itu ada-lah menguntokkan berkenaan dengan research. Dalam research ini ia-lah berkenaan dengan Biochemists, Nutrition dan juga berkenaan dengan Research on Virus and other Diseases, tetapi ada satu perkara yang sudah pun saya bangkitkan dalam Kementerian Pertanian ia-itu berkenaan dengan Botany. Saya tidak hendak mengulangkan lagi dalam perkara ini kerana berhubong dan berikut sahaja dalam perkara Botany ini jua. Ini ada-lah satu perkara chara membawa kemajuan yang akan datang supaya Kementerian ini dapat pula menentukan dalam research bahagian Botany itu sa-hingga merupakan satu penyiasatan medical Herbarium yang chukup dengan sebab ada banyak perkara yang boleh di-buat dalam negeri ini.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan item yang telah saya sebutkan itu kita telah pun mengambil perhatian terhadap pembaikan perbidanan. Satu perkara lagi yang memang ada sedia pada orang² Melayu ia-itu perubatan

chara Melayu dan perubatan ini di-ketuaï oleh Dukon, Pawang atau Bomoh. Perkara bidan telah kita ambil sikap, tetapi dalam perkara Bomoh, Dukon dalam chara perubatan Melayu ini kalau kita tengok negeri² yang maju saperti India dan Pakistan menghidup-kan kembali perubatan chara ilmu Ayurvedic dan Homeopathy dan saya sendiri hadzir di-England dalam satu kongres herbglists ia-itu dalam chara perubatan Inggeris lama, walau pun kita dalam chara perubahan dunia baharu yang berkehendakkan perubatan yang baharu, tetapi dalam perkem-bangan anak negeri ini dengan chara perubahan ini harus juga saya rasa kita tumpukan. Kalau kita dalam chara perbidanan dapat kita memberi kesempatan bidan² di-kampong itu dengan latehan yang merupakan kema-juan chara baharu maka seharus-nya juga saya rasa melaksanakan kerja² kita dalam memberikan pertolongan kapada orang² kampong itu dengan ada-nya chara² yang sudah ada pada masharakat di-kampong itu maka sa-bagaimana kita memperbaiki bidan² itu kita juga masokan chara² memper-baiki melaluï pegawai² kesihatan dengan memberi latehan² kapada ahli² perubatan Melayu itu.

Dengan chara ini dapat-lah kita mengatasi dengan lekas kekurangan doktor dan Hospital Assistant dengan menjalankan kempen yang luas dalam preventive dengan chara immediate yang kita kehendaki pada masa ini.

**Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu-Jempol):** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya anggaran perbelanjaan Kementerian Kesihatan yang telah di-kemukakan itu ada-lah sangat mu-nasabah, dan Menteri yang berkenaan telah membuat chadangan² yang dapat di-buat mengikut keadaan kewangan yang di-untokkan kapada-nya. Sunggoh pun bagitu, saya fikir ada juga perkara² yang barangkali tidak terlintas di-hati beliau atau yang pada fikiran-nya tidak munasabah, saya suka-lah memberi satu dua pandangan yang patut di-timbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Yang pertama, di-hospital yang besar² itu patut-lah di-adakan tempat bagi pelawat yang menunggu masa untok melawat hospital itu. Saya dapati di-hospital di-Seremban mithal-nya, orang yang melawat saudara-nya yang sakit itu datang pada masa yang tidak tentu, maka mereka ini berselerak dudok di-dalam kawasan hospital itu, sebab tidak ada tempat dudok, dan kadang² terpaksa di-halau oleh Jaga. Walau pun saya bersetuju orang sakit itu tidak boleh di-kachau, akan tetapi patut-lah Menteri yang berkenaan me-mikirkan kesusahan orang yang datang itu. Dari segi kesihatan saya fikir ada baik-nya tempat itu di-buat, kerana pelawat itu membawa makanan, jadi apabila makan berselerak tempat itu kotor. Saya harap perkara ini di-tim-bangkan.

Dalam meshuarat tahun yang lalu saya telah mengemukakan kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya mengadakan satu hospital di-Bahau. Saya telah mendapat jawapan hospital tidak akan di-buat, melainkan dispensary di-Bahau itu akan di-besar-kan. Saya menyambut dengan baik atas jaminan beliau itu, dan saya harap tahun yang akan datang dispensary di-Bahau itu di-baiki lagi.

Sa-perkara lagi tentang Aid to Voluntary Youth Organisations. Saha-bat saya daripada Socialist Front mengatakan perkara ini tidak ber-faedah, kerana kebanyakan daripada wang itu di-gunakan oleh pemuda² M.C.A. Yang sa-benar-nya, perkara itu tidak berlaku. Sebab saya dapati ahli² pertubohan pemuda itu terbuka kapada semua bangsa dengan tidak meman-dang parti politik, wang akan di-beri, dan hasil daripada perchamporan di-antara pemuda² daripada berbagai aliran politik itu bertambah baik dari satu masa ka-satu masa.

Dan lagi berkenaan dengan Women Institute, Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengatakan perkara itu tidak munasabah, tidak elok, kerana perkara itu asal-nya daripada penjajah. Pada pendapat saya perkara itu elok walau dari mana datang-nya baik daripada penjajah atau pun daripada PAS . . .

**Che' Khadijah binti Mohamed Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak me-ngatakan tidak munasabah . . . .

**Mr. Speaker:** Nanti dahulu. Sabelum mengatakan bagitu chakap-lah: On a point of order atau on a point of explanation. Itu-lah guna-nya kita ada Standing Orders dalam Dewan ini. Kalau on a point of explanation, saya hendak tanya dahulu sama ada ia hendak "give way" atau tidak—ia sudah dudok—bangun-lah (*kapada Che' Khadijah*).

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** . . . . . saya tidak ada menyebutkan tidak munasabah. Kerana nama itu anjoran penjajah, jadi tukar-lah nama itu mengikut chara kemerdekaan kita.

**Mr. Speaker:** Perkara itu jangan-lah jadikan satu perbahathan.

**Enche' Mohamed bin Ujang:** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi hendak-lah kita sambut dengan baik walau pun datang dari penjajah.

Kementerian ini hendak mengadakan kelinik di-kampong². Perkara ini saya sambut dengan baik, kerana pendudok² di-kawasan saya ia-itu Jelebu-Jempol susah mendapat layanan ubat sebab kelinik belum chukup lagi. Saya tidak mendesak supaya perkara itu di-adakan dengan serta-merta, saya minta Menteri yang berkenaan mengambil berat perkara ini kalau tidak di-adakan pada tahun ini adakan-lah pada tahun yang akan datang.

**Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sa-penoh-nya anggaran perbelanjaan Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masharakat, dan segala tugas² yang telah di-laksanakan dengan jaya-nya itu patut-lah kita sambut dengan baik. Untok pengetahuan Ahli² Yang Berhormat sakalian, Yang Berhormat Menteri telah membuang masa yang banyak untok menchari segala butir² dan segala perkara yang telah di-laksanakan dengan jaya-nya itu. Mithalnya, kejayaan dan penerangan Kementerian ini tentang kematian, di-dalam laporan-nya sa-malam mengatakan angka orang yang mati kerana beranak telah kurang, ini satu kejayaan yang besar.

Berkenaan dengan tambahan pegawai² untok menjalankan tugas masing² banyak tambah²an yang kita telah dapati mengenaï specialist² dan juga jurusan² jabatan yang baharu yang akan menjalankan tugas² kapada orang² yang sakit. Kemajuan yang besar sakali di-rasakan oleh Yang Berhormat itu ia-lah berkenaan dengan kechenderongan orang² kampong yang kebanyakan daripada mereka itu telah pun sambut baik hendak berubat chara Hospital.

Satu lagi perkara yang patut kita menguchapkan terima kaseh di-atas segala ikhtiar yang di-jalankan oleh Kementerian ini semenjak 9 tahun lama-nya untok menghapuskan penyakit² yang dahulu-nya di-anggapkan sabagai tidak dapat di-hapuskan—tidak di-ubatkan sa-bagaimana penyakit kusta, kita sekarang dapati penyakit kusta hampir² habis di-hapuskan, penyakit puru hampir² habis di-hapuskan. Dan yang ada pada masa sekarang ini, yang sedang di-ikhtiarkan dengan saberapa giat-nya oleh Kementerian ini untok menghapuskan penyakit untut, penyakit malaria yang telah di-untokkan wang ka-arah hendak menghapuskan penyakit ini dan saya menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian ini yang telah mengambil berat usaha²-nya untok memberi layanan² dan menghapuskan penyakit² yang tersebut.

Saya rasa sangat-lah kesal di-atas kenyataan yang di-terbitkan oleh Yang Berhormat wakil Bungsar yang mengatakan bahawa kalau peruntokan ini dalam bahasa Inggeris-nya sa-bagai satu "imaginative, impractical and full of self-praise"—satu peruntokan angan² yang tidak dapat di-laksanakan dan memujikan diri sendiri; ada-kah munasabah dengan tudoh²an sa-macham itu. Bagaimana pun telah kita dengar kenyataan yang jelas daripada Yang Berhormat itu daripada beberapa tahun kerja² yang telah di-laksanakan, dan di-anggapkan satu usaha untok menyelamatkan beberapa jiwa dengan menggunakan kapal terbang sa-bagai satu propaganda. Ada-kah sa-orang yang siuman fikiran-nya boleh mendatangkan atau mengeluarkan perkataan sa-macham itu? Ini menunjokkan betapa berat Kerajaan terhadap satu

jiwa walau di-ulu mana sa-kali pun berikhtiar dengan sedaya upaya dengan tidak menghiraukan berapa banyak wang dan berapa susah-nya hendak menyelamatkan orang itu patut di-uchapkan terima kaseh kapada Kera-jaan. Sa-balek-nya di-main²kan dan di-katakan sa-bagai satu propaganda, ini sangat-lah tidak baik dan saya harap tidak patut lagi di-keluarkan perchakapan yang sa-macham itu. Kementerian ini telah menghadapi be-berapa kesulitan, pada masa dahulu—tanggong jawab berkenaan dengan per-ubatan dan kesihatan ini ia-lah di-bawah negeri masing² dan sekarang semenjak tiga empat tahun telah di-tukarkan kapada pentadbiran Perseku-tuan serta mengumpulkan segala kerja²-nya yang banyak itu untok menjalankan tugas masing², ini-lah sebab-nya tidak dapat di-sempurnakan dengan chepat yang boleh, tetapi kita uchapkan terima kaseh kerana perja-lanan-nya sangat memuaskan.

Yang Berhormat wakil Damansara telah pun berchakap berkenaan dengan sa-orang perempuan dan beliau mem-buat keliru dengan peruntokan "handi-capped person"—orang yang tidak ada kaki, ta' ada chukup anggota dan orang yang kurang nampak itu yang di-sebutkan "handicapped person", per-untokan wang di-khaskan bagi perto-longan orang² ini bukan orang yang menanggong nafkah anak²-nya.

Lagi satu perkara di-muka 175 sub-head 15, Yang Berhormat wakil Damansara ada mengatakan chuma $1,500 sahaja di-untokkan kapada Estate². Ini satu perkara Yang Ber-hormat itu terkeliru, yang dapat "Pay-ment to Non-Government Examiners at Estate Dressers' Examination" ini ia-lah wang peruntokan untok Dresser dalam Estate² masok pepereksaan yang di-lancharkan oleh Kerajaan dan yang bertanggong jawab memberi layanan kapada orang² yang sakit dalam Estate. Itu ada-lah terpulang kapada Estate² masing² untok mengadakan group Hospital—di-bawah nasihat dan tanggong jawab Pengarah² Estate masing². Dan beliau itu telah menga-takan . . . . .

**Mr. Speaker:** Selalu, saya nyatakan kapada Ahli² Yang Berhormat ini, jangan-lah chuba hendak menjawab² atas perkara² yang di-bangkitkan oleh pehak pembangkang itu kerana jawapan itu boleh mendatangkan pula salah faham kapada Menteri yang akan men-jawab hal itu. Itu saya chuma nasihat-kan sahaja. Saya takutkan kalau jawapan itu bertentangan atau berla-wanan dengan apa yang di-jawabkan oleh pehak Ahli Yang Berhormat tadi, kemudian Menteri menjawab lain atas perkara itu, nampak-lah tidak betul-nya perjalanan Kerajaan. Saya kata, molek-lah perkara² yang di-bang-kitkan oleh pehak² pembangkang itu di-biarkan sahaja pehak Menteri yang berkenaan untok menjawab-nya dengan tepat.

**Tuan Haji Ahmad bin Saaid:** Untok pengetahuan Yang Berhormat wakil dari Dungun, dalam Hospital tidak ada alat Telescope, hanya di-gunakan untok memereksa orang² sakit ia-lah Steth-oscope.

Di-samping itu saya ingin menge-shorkan berkenaan dengan sungutan² daripada orang² kampong, rayuan² ber-kenaan layanan di-Hospital. Sekarang ini di-tiap² Hospital di-adakan Lem-baga Pelawat Hospital tetapi perjala-nan-nya itu tidak berapa baik. Saya shorkan supaya di-adakan Undang² yang tegas berkenaan dengan Lembaga Pelawat ini di-buat Undang², sebarang rayuan, sebarang permintaan hendak-lah di-tujukan kapada pengerusi bagi Lembaga Pelawat dan Lembaga ini pula ada pengerusi dan ada pula Jawatan-Kuasa-nya boleh berunding dan membuat ketetapan dan mengha-dapkan segala rayuan atau tuntutan kapada pehak yang berkuasa supaya dapat di-timbangkan dan di-layan.

Yang kedua, berkenaan dengan ke-kurangan doctor. Kekurangan doctor ini ada-lah satu masaalah yang sangat penting yang kita fikirkan sa-hingga beberapa lama kita telah majukan dan berapa banyak usaha di-jalankan tetapi maseh lagi kekurangan. Saya tertarek hati di-atas chara yang di-buat di-negeri Ceylon, ada satu Perkhidmatan Kera-jaan yang kerja²-nya sama dengan kerja² Hospital Assistant yang di-namakan Epothicaries. Orang ini di-beri latehan menjalankan tugas² melayani dan me-mereksa orang² sakit dan membagi ubat

sa-bagai Hospital Assistant juga. Salepas 20 tahun di-berikan kapada mereka satu tauliah sa-bagai "Licenciate Medical Officer". Jadi, dapat-lah mereka itu menjalankan tugas² sa-bagai sa-orang "Medical Officer" yang penoh kuasa-nya. Saya berharap Menteri Kesihatan ini dapat berhubong dengan Menteri Kesihatan Ceylon berunding dengan-nya bagaimana chara-nya yang dapat merenganKan kegentingan kekurangan doctor.

Lagi satu perkara ikut pandangan saya ia-lah berkenaan dengan penyakit batok kering yang merebak² ini. Sunggoh pun Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas dan berusaha sunggoh² tetapi nampak-nya satu perkara yang patut di-beri pertimbangan ia-lah berkenaan dengan "the source or mode of infection"—dari mana perpindahan penyakit itu.

Saya fikir jika Kerajaan dapat membuat satu undang² khas. Jikalau kita minum di-kedai kopi kita minum pakai straw sa-lepas itu straw itu hendak-lah di-buangkan. Ada sa-tengah kedai kopi straw yang telah di-gunakan itu dipakai-nya balek. Jadi kalau orang yang dahulu minum ada penyakit batok kering maka sudah tentu akan berjangkit kapada orang ini. Oleh itu saya harap di-ambil perhatian.

Berkenaan dengan peruntokan² yang telah di-buat untok menghapuskan penyakit² yang lama itu dapat di-selenggarakan dan usaha² menjalankan sistem ini saya rasa sangat-lah memuaskan hati dan juga di-atas sikap Kerajaan mengambil bahagian yang berat didalam perkara ini dan pehak ra'ayat jelata harus akan berkemajuan tidak berapa lama lagi.

Sakian-lah.

**Mr. Speaker:** Ahli² Berhormat, saya lagi sa-kali merayu kapada semua Ahli Yang Berhormat, tolong-lah pendekkan sadikit uchapan² supaya hendak memberi peluang kapada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian didalam perbahathan ini. Dan jangan-lah kalau boleh di-ulang²kan perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi.

**Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyematkan sakuntum bunga raya yang merah berseri di-dada Menteri Kesihatan yang telah bertugas dan berkhidmat di-sagenap tempat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berchakap perkara² apa juga yang telah di-binchangkan oleh rakan² sa-jawat saya dan juga rakan² yang di-seberang sana, tetapi apa yang saya akan chakapkan nanti Tuan Yang di-Pertua, ada-lah keterangan² yang jelas supaya jangan terkeliru. Perkara yang saya hendak chakapkan ini berkenaan dengan kumpulan² perempuan Semenanjong Tanah Melayu. Ada-lah Kumpulan Perempuan di-Tanah Melayu ini sangat besar guna-nya untok menghidupkan semangat, memberi kegemilangan atau suloh di-seluroh kampong, ladang, sawah terutama sa-kali bagaimana saya telah ketahuï di-Kelantan sana-lah yang giat bergerak. Saya telah mendapat tahu berkenaan dengan Kumpulan Perempuan ini di-Kelantan-lah yang kuat. Baharu² ini kumpulan ini telah mengadakan kursus di-Petaling Jaya dan segala wakil²-nya dari seluroh negeri berhimpun di-situ.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara Kumpulan Perempuan ini saya harap kalau Menteri Kesihatan boleh tolonglah tambahkan lagi peruntokan-nya kerana peruntokan sa-banyak $75,000 itu tidak chukup untok bergerak dengan lanchar.

**Che' Khadijah binti Mohd. Sidek:** On a point of explanation.

**Mr. Speaker:** Ada-kah awak hendak beri jalan atau tidak?

**Puan Hajjah Zain binti Sulaiman:** Masa sadikit sangat lagi. (*Ketawa*) Walau bagaimana pun Kumpulan Perempuan Semenanjong Tanah Melayu ini sekarang sudah maju bergerak dengan sendiri dan wang² yang didapati ada-lah di-gunakan untok memajukan pertubohan-nya di-seluroh Tanah Melayu. Saya berchakap ini Tuan Yang di-Pertua, ada-lah dengan pengalaman saya melawat ka-sana sini. Ketua² yang telah di-lantek dan diangkat itu ada-lah di-pileh yang layak betul dan di-beri gaji. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpaling kapada

gerakan Girl Guide di-Semenanjong ini. Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat tidak akan mengatakan saya mengatakan bakul sendiri. Kalau di-buka cherita² dalam pergerakan Girl Guide Semenanjong dan penyata-nya tiap² tahun yang telah saya mengikuti sampai di-hari ini. Saya-lah perempuan Melayu yang pertama sa-kali mula menjadi Girl Guide di-Semenanjong Tanah Melayu. (*Tepok*). Bagitu juga Scout Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sudah ada empat puloh ribu dan Pesuroh Jaya-nya ada di-dalam bilek ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berchakap berkenaan dengan Pemuda-Pemudi, ini juga bukan dengan agak² sahaja tetapi dengan pengetahuan dan pengalaman. Tuan Yang di-Pertua, Pemuda-Pemudi di-kawasan saya sendiri di-Pontian sana . . . . .

**Mr. Speaker:** Saya chuma hendak mengingatkan, jangan-lah di-ulang²kan lagi. Saya boleh benarkan kalau pendek sahaja.

**Puan Hajjah Zain binti Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang saya chakapkan lagi bahkan patut ditambah. Pemuda-Pemudi di-kawasan saya sendiri mereka bekerja bernaongkan Ketua² kampong dan juga wakil² ra'ayat. Baharu² ini mereka telah mengadakan satu Peraduan Kor'an yang sangat meriah sa-kali di-seluroh Pontian. Lagi satu hal Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya ada sembilan puloh ribu pendudok²-nya pada masa ini tetapi doktor-nya hanya sa-orang sahaja yang mana sudah tua pula yang di-ambil bekerja sa-mula. Oleh itu tolong-lah tambah lagi yang muda dan chergas supaya ra'ayat yang 90 ribu itu dapat layanan yang sempurna. (*Ketawa*).

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Abdul Raof (Kuala Kangsar):** Tuan Pengerusi, saya suka mengalu²kan peruntokan belanjawan bagi Kementerian ini yang sa-banyak $92 juta untok tahun 1961. Saya chuma hendak menyentoh usaha² yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tentang perkara menambahkan bidan² dan Assistant Nurse. Perkara ini sangat-lah memuaskan hati kerana memandang kapada keadaan Assistant Nurse yang pada masa ini dan bidan² sangat kurang. Maka saya sangat-lah susah hati, sebab ada satu tempat di-kawasan saya yang selalu sangat orang² ditempat itu merayu ia-itu satu tempat yang bernama Bekor. Tempat ini jauh sangat ka-dalam dan jauh daripada Manong. Ka-Kuala Kangsar lebeh kurang 15 batu dan daripada Manong ka-Bekor menyeberang sungai lebeh kurang 5 batu. Mereka banyak kali merayu kapada saya dan juga kapada Ahli² Majlis Meshuarat Negeri supaya mengadakan sa-orang bidan di-tempat itu, kerana di-tempat itu sangat jauh kalau tidak ada bidan tentu-lah orang² di-situ mengalami perkara yang susah.

Saya harap Kementerian ini akan mengambil ingatan di-atas perkara ini supaya dapat di-hantar sa-orang bidan di-tempat itu.

Selain daripada itu saya juga suka memetik berkenaan pegawai² yang telah di-hantar ka-luar negeri untok mendalamkan pengalaman-nya dan sekarang ini banyak pegawai² yang telah di-hantar. Dalam uchapan-nya semalam menerangkan bahawa satu daripada-nya ia-lah Health Inspectors for Health Education. Saya sangat dukachita kerana memandangkan bilangan yang di-lateh hanya 1 orang sahaja bagi Health Inspectors for Health Education, tetapi bilangan yang lain banyak. Maka saya berharap kapada Kementerian ini supaya menambahkan lagi bilangan Health Inspectors untok belajar ka-luar negeri, kerana perkhidmatan ini ada-lah dipandang mustahak.

Saya suka juga memetik dalam uchapan-nya berkenaan dengan discipline and courtesy bagi orang² yang bekerja dalam Hospital². Di-satengah² tempat ada juga berlaku terutama ditempat saya di-mana orang² merungut tentang layanan, discipline dan sabagai-nya terhadap kaki-tangan Hospital perempuan ada-lah kadang² tidak memuaskan hati, tetapi ini bukan-lah memburokkan seluroh perkhidmatan dan boleh jadi di-tempat itu sahaja maka dengan yang demikian saya berharap kalau dapat mereka disitu tidak memandang kerja² yang memileh kapada orang² yang besar²

dan orang² kaya sahaja tetapi mahu-lah juga memberi perkhidmatan mereka dengan tidak ada berbelah-bagi.

Berpaling saya kapada muka 175, sub-head 8—Grants for Anti-Malarial Services peruntokan sa-banyak $4,850,000. Perbelanjaan-nya terlampau banyak, akan tetapi penyakit anti-Malaria maseh di-jumpaï juga di-satengah² tempat. Pada hari ini kalau di-idzin oleh Tuan Pengerusi saya suka hendak memetek sadikit dalam surat khabar hari ini *Straits Times* 17 hari-bulan December, 1960 mengatakan dengan hurof yang besar: Perlis 'worst state for malaria': Saya harap supaya Kementerian ini juga mengambil berat kerja² anti-Malaria di-tempat² yang di-dapati penyakit malaria ter-utama saperti yang di-cheritakan di-sini ia-lah negeri Perlis yang banyak sa-kali.

Sub-head 12—Maintenance of Medical Buildings. Saya rasa kalau sa-kira-nya peruntokan ini untok memper-baiki rumah² Attendants dan sa-bagai-nya di-mana di-Kuala Kangsar sana rumah² Attendants itu sangat-lah men-dukachitakan, kerana sudah lama rumah² itu tidak chukup di-jaga dan daripada segi kesihatan rumah² mereka itu ada-lah tidak baik. Perkara ini telah pun di-kemukakan oleh Tuan Haji Meor Shamshudin semasa dia menjadi Legislative Councillor dan saya rasa kalau tidak salah Yang Ber-hormat Menteri Pengangkutan ada memegang Kementerian ini pada masa itu dan telah melawat rumah² Atten-dants di-Kuala Kangsar, tetapi apa langkah yang telah di-buat atau di-ambil tidak-lah saya ketahuï.

Saya harap mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri ini terhadap rumah² mereka itu.

Muka 177, sub-head 59—Research on Virus and other Diseases peruntok-an sa-banyak $25,000. Saya dapati research ini di-buat untok menchari bermacham² penyakit dalam negeri ini, tetapi satu penyakit yang barangkali saya suka membawa pandangan Kementerian ini berhubong dengan apa yang di-katakan dalam akhbar *Sunday Times* bertarikh 19 haribulan June, 1960 berbunyi:

"An unseen enemy is sapping away the strength of Malaya's rural population—it is the hookworm. Daily, between 20,000 to 30,000 gallons of human blood, estimates a German expert on hookworms, is lost to these worms."

Jadi kalau sa-kira-nya perkara ini benar maka keadaan ini sangat-lah mendukachitakan dan apa-kah langkah Kementerian ini telah ambil. Ada satu perkara lagi, kalau saya di-idzinkan menjawab perkara ini berkenaan de-ngan kerja Kementerian ini ia-itu ten-tang nama Hospital—"Rumah Sakit". Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah mengatakan yang dia tidak gemar nama "Rumah Sakit" itu. Jadi bagini punya lama kita gunakan hurof "Rumah Sakit" itu bagi pehak orang² Melayu tidak ada rungutan sadikit pun. Maka pada hari ini munchol pula daripada Ahli Yang Berhormat itu yang dia tidak puas hati dengan nama "Rumah Sakit". Rasa saya perkara yang dia tidak puas hati itu ia-lah kerana rumah itu sakit—bukan orang sakit.

**Mr. Speaker:** Saya suka hendak mengingatkan pada tuan supaya jangan menjadi perbahathan di-atas perkara ini, kerana akan menghilang-kan masa. Kalau tuan hendak shorkan, boleh!

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Abd. Rauf:** Kalau bagitu tidak apa-lah, Tuan Pengerusi, sekian-lah sahaja.

**Wan Sulaiman bin Wan Tam (Kota Star Selatan):** Datok Pengerusi, saya hendak berchakap dengan sa-berapa ringkas yang boleh. Terlebeh dahulu saya uchapkan berbanyak terima kaseh kapada Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masharakat di-atas layanan pegawai²-nya terhadap kawasan saya, Kota Star Selatan. Manakala, saya pintak apa² pertolongan dengan segera di-layankan oleh Chief Medical dan Health Officer di-sini. Empat bulan sudah pada jam 7 malam, saya terima report menyatakan bahawa sa-jenis penyakit menyebabkan berak-chirit telah merebak di-Chorok Kudong, sa-buah kampong dalam kawasan saya yang terpenchil jauh-nya 4 batu dari-pada jalan raya. Maka pada waktu itu juga kejadian itu di-maalumkan de-ngan talipun kapada Chief Medical dan

Health Officer. Maka pada esok-nya, pukul 8 pagi, sa-orang doctor, sa-orang Pegawai Kesihatan bersama² saya telah dapat melawat 74 buah rumah di-kampong itu dan telah dapat di-pereksa dan di-beri ubat² kapada orang² yang sakit.

Berkenaan dengan penyakit batok kering, saya telah terima beberapa rayuan daripada orang² yang telah mengidap penyakit itu, kata mereka telah di-perentah keluar daripada rumah sakit sa-belum semboh penyakit-nya oleh kerana terpaksa di-perbuat demikian menyediakan tempat untok orang baru. Ada juga bekas pengidap penyakit itu, sa-telah balek ka-rumah beberapa bulan dan dengan tiada layanan yang sesuai, penyakit lama-nya itu berbalek sa-mula dan terpaksa masok ka-hospital pula. Saya pintak kapada Kementerian yang bersangkutan mengadakan tambah ward² batok kering supaya dapat orang² sakit itu dudok lama sadikit hingga chukup sihat sa-belum di-potong nama-nya. Saya telah pun menchakapkan perkara ini dengan sa-orang pakar Australia di-atas penyakit batok kering ia-itu Sir Harry Wunderley pada masa beliau datang ka-Alor Star menyiasat penyakit batok kering itu. Beliau ia-lah pakar batok kering yang di-tugaskan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menyiasat di-atas hal penyakit batok kering. Manakala penyata-nya telah di-umumkan, saya harap pendapatan²-nya berkenaan dengan menghapuskan penyakit yang merbahaya itu di-turuti dan di-jalankan dengan sa-berapa segera.

Sa-perkara lagi ia-lah berkenaan dengan lawatan saya ka-Lady Templer Hospital pada 31 March, 1960. Saya dapati dalam hospital itu ada banyak nyamok. Manakala saya bertanya kapada Superintendent hospital itu, di-jawab-nya perkara itu telah termaalum kapada Pejabat Kesihatan dan nyamok² itu tiada merbahaya dan tidak bawa kuman malaria. Yang menjadi soal kapada saya ia-lah nyamok² itu beranak-pinak di-dalam hospital itu (*Ketawa*). Saya minta kapada Yang Berhormat Menteri yang bersangkutan supaya nyamok² itu di-hapuskan supaya orang² sakit itu tidak di-gigit oleh-nya.

**Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson):** Mr. Speaker, Sir, I wish to touch on page 175, sub-head 20, Sea-snake and Venom Research—$6,000. As we know, Sir, this is a new kind of worry that the thousands of dock workers have had since the war. Before the war we did not hear much about sea-snake bites and I feel it would be worthwhile on the part of the Ministry to go very much into detail to do research on sea-snake bites, the causes and the cures. It would be very helpful, Sir, if antidotes to sea-snake bites are available as near as possible to those places where the snake bites are likely to occur.

Next, Sir, I would like to touch on page 163, items (49) and (82). This section concerns with the number of doctors we have at present. It is well-known, Sir, that this country is terribly short of doctors, and the Ministry has done everything possible, and is doing everything possible, to increase this number. It will take a long time, Sir, before Malaya is able to produce her own doctors and I would like to make a suggestion here: would it be possible for the Ministry to discuss with the Immigration Department as to whether better facilities and encouragement could be given to foreign doctors, whose services are so urgently required in Malaya? We are aware, Sir, that in many foreign countries special rules and regulations are made and appropriate immigration laws are enacted so that the type of citizens required by the country can become citizens of that State in a very much faster time. I would also like the Ministry to consider whether, after they have served their term and the country is satisfied with their background and character, it would be possible or could be made possible, for the doctors who come to serve Malaya to become citizens of the country, because by the time our new doctors come and are available to take charge these doctors would have retired.

Finally I would like to touch briefly on page 176, sub-head 35, Women's Institute. I would like to support my

colleagues the Honourable Member from Jelebu-Jempol and the Honourable Member from Pontian Selatan that this institute is doing a very valuable service to the ladies of our country. Of course, as time goes on the bye-laws of the association will change and they will change to fit in with the times and the requirements of the country. I would have no objection also to the name being altered should that be considered necessary by those who are doing this valuable service.

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak memberi terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat, kerana pada fikiran saya negeri Perlis-lah sa-buah negeri yang mundor telah mendapat layanan yang baik daripada Menteri yang berkenaan. Sekarang saya hendak menyentoh berkenaan dengan Director of Medical Services dan Sea-Snake and Venom Research. Saya minta kapada Director of Medical Services memerhatikan ketika menghantar doktor yang akan berkhidmat di-dalam negeri Perlis itu. Kerana dalam negeri ini saya rasa negeri Perlis-lah yang banyak ular, dan boleh-lah di-katakan ular ia-lah musoh yang nombor satu bagi orang Perlis, sebab dalam tahun 1960 ini sahaja saya rasa tidak kurang 10 orang telah mati di-pagut oleh ular. Ular[2] ini bukan-lah sa-jenis saperti yang di-katakan oleh orang ia-itu ular selempat, bahkan sa-tahu saya ular yang bisa yang selalu membawa maut di-negeri Perlis pada hari ini ada empat jenis. Yang pertama, ular tedong (king cobra) ular ini kalau memagut, Tuan Yang di-Pertua, tidak sempat lagi hendak berubat, melainkan membawa maut, pada tahun ini sa-orang telah mati oleh-nya. Yang kedua, ular sendok (cobra) ular ini juga telah banyak memagut orang dalam tahun ini, sa-tengah daripada sa-tengah-nya membawa maut dan ada yang dapat di-rawat. Yang ketiga, ular kapak, ular ini ada berjenis saperti ular kapak harimau, ini juga kalau memagut orang membawa maut dan yang keempat ular selempat, ular ini kalau memagut orang dalam masa 24 jam kalau ia tidak mati dapat-lah di-selamatkan.

Maka dengan sebab itu-lah, saya merayu kapada Menteri yang berkenaan supaya menghantar doktor yang ada pengalaman dalam hal ular ka-negeri Perlis itu, kerana apa yang saya tahu doktor[2] yang di-hantar ka-sana tidak bagitu chukup pengalaman dalam hal rachun ular itu.

Kerapkali juga saya melawat orang yang di-pagut ular di-hospital. Saya amat dukachita kerana ubat kurang, kekurangan ubat ini pun sa-tengah daripada sa-tengah-nya ada yang membawa maut dalam hospital itu.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya menghantar doktor yang ada mempunyaï pengalaman yang tinggi dalam hal ehwal orang yang di-pagut ular, dan ra'ayat negeri Perlis akan berterima kaseh kapada Menteri yang berkenaan.

**Tengku Indra Petra Ibni Sultan Ibrahim (Ulu Kelantan):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini hendak menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di-atas beberapa perkara. Pertama-nya ia-lah baharu[2] ini berlaku di-kawasan saya ia-itu penanam[2] padi di-sana telah berlaku kelaparan. Dan dalam masa sa-minggu sahaja pehak Pegawai Jajahan dan Jawatan Kuasa telah berhubong dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan beliau telah pun menghantar dengan segera wang sa-banyak $35,000 (*Tepok*).

Yang kedua, saya suka menguchapkan terima kaseh di-atas kerja-sama kerana dalam tahun 1960 pehak Lotteries Board telah memberi bantuan kapada kawasan saya dan lain[2] kawasan dalam negeri Kelantan sa-banyak $2,000 untok mendirikan sekolah ugama dan juga masjid.

**Mr. Speaker:** Lotteries Board ini tidak ada kena mengena dengan Estimates yang ada di-hadapan kita ini.

**Tengku Indra Petra Ibni Sultan Ibrahim:** Lagi satu perkara ia-lah dalam tahun 1960, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menghantar sa-orang

qualified Surgeon dan juga sa-orang Physician. Boleh di-katakan negeri Kelantan ini-lah kali yang pertama-nya kita ada Physician (*Tepok*).

Saya suka menegor sadikit berkenaan dengan uchapan Yang Berhormat sahabat saya daripada Kota Bahru Hilir yang di-katakan-nya tadi, masa dia menjadi A.D.O. di-dalam Ulu Kelantan sangat-lah kesulitan ubat² dan sa-bagai-nya. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu dia menjadi A.D.O. yang sa-benar-nya pada masa sekarang ini kita telah ada River Boat Dispensary di-dalam negeri Kelantan dan telah pun melawat beberapa tempat saperti Sungai Pergau dan juga di-Lembing. Yang mustahak sa-kali jika boleh, saya minta-lah Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya motor boat itu di-buat flat boat, jadi masa kemarau motor boat itu boleh berjalan. Kerana saya tahu pada masa sekarang ini kalau musim hujan boat itu boleh lalu lalang.

Dan saya suka hendak mengeshorkan kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan satu perkara yang kalau boleh saperti kita dapati dalam Polis di-adakan Operation Service, dalam bahasa Kebangsaan Sedia Berkhidmat. Saya perchaya ini akan menjadi satu pertolongan kapada pendudok² diseluroh negeri, tetapi apabila di-adakan Sedia Berkhidmat jangan-lah tidak bekerja pula yang mana saya lihat Polis sekarang ini ada Operation Service tetapi sudah di-lupakan Operation Service itu. Jadi, saya harap Menteri Kesihatan ada juga pegawai Hospital yang saya perchaya akan memberi pertulongan besar kapada ra'ayat jelata sakalian.

**Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak menguchapkan satinggi² terima kaseh kapada Menteri Kesihatan kerana Anggaran Perbelanjaan berhubong dengan kesihatan masharakat. Saya hendak berchakap dalam satu dua perkara sahaja terutama sa-kali di-dalam muka 176 berhubong dengan St. John Ambulance Brigade. Beberapa tahun yang lalu di-Perlis ada St. John Ambulance Brigade tetapi sekarang ini tidak ada lagi. Jadi, saya berharap kapada Kementerian yang berkenaan supaya di-adakan juga di-Perlis kerana masa St. John Ambulance ada di-sana dahulu dapat-lah memberikan perkhidmatan-nya di-kampong² terutama sa-kali di-kawasan saya sendiri ia-itu di-Kubang Tiga yang jauh-nya daripada bandar lebeh kurang 10 batu. Di-sana tidak ada jalan perhubongan hanya dengan keretapi sahaja. Jadi, mereka yang hendak datang ka-Hospital terpaksa-lah menaiki keretapi dan masa mereka itu pergi ka-Hospital sangat terhad, yang demikian kadang² tertinggal-lah mereka itu. Baharu² ini, saya telah melawat ka-tempat mereka itu dan di-dapati keadaan kesihatan mereka itu sangat-lah tidak memberi puas hati. Dan lagi patut saya sebutkan di-sini perkhidmatan St. John Ambulance di-daerah Kubang Kerian susah sangat perhubongan—lalu-lalang di-sana.

Lagi satu perkara ia-lah berhubong dengan Hospital. Di-Perlis ada sabuah sahaja Hospital yang menjadi tumpuan lebeh kurang 100,000 orang. Sunggoh pun pada masa sekarang perkhidmatan Hospital di-sana ada bertambah² baik dengan pegawai²-nya yang chekap, penolong² pegawai yang baik layanan² yang memuaskan dan ada memberi kesenangan kapada ra'ayat² yang bertumpu di-situ pada tiap² masa. Hanya saya suka sebutkan di-sini ia-lah berhubong dengan Ward Batok Kering. Di-sana saya dapati sa-tiap masa hanya ada sa-orang dresser dan sa-orang attendent sahaja. Oleh sebab tidak chukup pegawai di-sana maka selalu-lah berlaku kechemasan diwaktu malam terkadang² terpaksa orang² kampong datang menjaga sisakit itu waktu malam. Jadi harap-lah mendapat perhatian kerana penyakit Batok Kering ini ia-itu suatu penyakit yang berjangkit. Sakira-nya di-biarkan, orang lain menunggu disana tentu-lah sa-kali orang yang baik itu akan berjangkit oleh penyakit yang sangat merbahaya itu.

Lagi satu perkara yang saya suka sebutkan di-sini berhubong dengan satu kematian lemas ia-itu di-kawasan saya pada dua tiga bulan yang lalu. Kematian lemas itu boleh di-katakan tersangat ganjil, ia-itu mati terdiri

dalam perigi yang chetek, dan khabar-nya tiada di-dapati tanda² jatoh dan lemas.

**Mr. Speaker:** Selalu-nya kematian sa-macham itu ada inquest-nya. Kalau perkara itu belum lagi habis di-bicharakan, perkara itu tidak boleh di-chakapkan dalam Majlis ini. Jadi, dalam bahasa Inggeris di-namakan; ta' tahu saya hendak menterjemahkan ka-dalam bahasa Melayu. Perkara itu boleh mendatangkan kerosakan atas bichara-nya yang akan datang. Jadi, saya hendak tahu jika perkara itu ada inquest kerana tiap² kematian saperti itu mesti di-bicharakan dalam Mahkamah, kalau ada dan belum putus lagi, ta' boleh-lah perkara itu di-bawa dalam Majlis ini. Itu sahaja saya ingatkan.

**Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hanya minta penyiasatan yang lebeh rapi berhubong dengan kematian itu . . . .

**Mr. Speaker:** Perkara itu tidak boleh di-chakapkan, kerana *sub-judice.*

**Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Sa-perkara lagi yang saya patut menguchapkan terima kaseh kapada Menteri yang berkenaan ia-lah kerana memberi peruntokan kapada pertubohan pemuda. Saya sa-orang ahli pertubohan pemuda di-tempat saya, dan boleh di-katakan di-Perlis Utara banyak juga saya mengambil bahagian sa-bagai penaong dan penasihat. Saya dapati pergerakan pertubohan pemuda-pemudi di-Perlis sangat memuaskan hati, dan dengan yang demikian dapat kita memberi sa-penoh keyakinan di-atas segala bantuan ini akan di-gunakan dengan baik. Jadi saya rasa segala tudohan wakil daripada Tanah Merah itu memang tidak berasas sama sa-kali. . . . . .

**Mr. Speaker:** Perkara itu sudah banyak di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat, kalau berchakap pendek saya benarkan, kalau panjang saya tidak benarkan, sebab sudah banyak di-ulang².

**Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** . . . . . . segala tudohan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi, agak-nya bukan-lah pemuda² dan pemudi² daripada pertubohan pemuda, tetapi pemuda² dan pemudi² yang tidak di-lateh dan yang tidak masok pertubohan pemuda, kerana pertubohan pemuda itu ada mempunyai undang², pemuda² dan pemudi² yang melakukan perkara yang tidak senonoh dan tidak bersopan santun mereka boleh di-pechat.

Sa-perkara lagi yang saya minta Kementerian memerhatikan ia-lah penyakit Malaria saperti yang di-sebutkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi, kerana di-Perlis banyak sawah padi, penyakit ini boleh merebak, terutama sa-kali di-tempat² yang berhampiran dengan hutan dan tanah baharu.

**Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam):** Tuan Yang di-Pertua, sa-malam kita telah mendengar uchapan yang menggembirakan kita daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada masa membentangkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian-nya yang mana beliau telah mengatakan bahawa beberapa perubahan telah di-lakukan oleh Kementerian-nya pada menjalankan tugas²-nya, dan kita berasa sukachita bahawa kebanyakan perkara² yang di-sunguti oleh orang ramai pada masa yang lalu telah dapat di-atasi oleh Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengatakan satu persatu hal² yang belum memuaskan hati kapada seluroh ra'ayat dalam hal perubatan dan kebajikan ini tentu-lah akan mengambil masa yang panjang, tetapi saya perchaya penoh Kementerian ini dari satu masa ka-satu masa dan sadikit demi sadikit akan dapat mengatasi hal² itu dengan memberi puas hati kapada seluroh ra'ayat dalam negeri ini.

Di-kawasan saya banyak menghadapi kesulitan, satu daripada-nya, Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan Mobile Dispensary bagi memereksa perempuan yang mengandong yang masok di-dalam kampong yang jauh itu sangat berkurangan, sunggoh pun

Kementerian Kesihatan ada menghantar Mobile Dispensary ini kakampong², tetapi banyak tempat yang tidak dapat di-lawati oleh kereta ini, dan apabila saya bertanya kapada Pegawai Kesihatan tentang perkara itu, kata-nya peruntokan-nya belum dapat lagi.

Ada satu perkara khas yang hendak saya chakapkan pada hari ini ia-itu berhubong dengan bantuan kapada Pasokan Palang Merah dan St. John Ambulance. Oleh sebab saya sa-orang pegawai Pasokan Palang Merah ini, saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian ini mengapa-kah peruntokan kapada Pasokan Palang Merah tidak di-tambah sa-bagaimana yang ditambah kapada St. John Ambulance itu? Sa-panjang yang saya ketahuï ada pun tujuan atau kerja kedua pertubohan sukarela ini ada-lah sama ia-itu memberi pertolongan chemas dan pelajaran berhubong dengan perubatan, dan mereka² ini jikalau sa-kira-nya lulus dalam ujian mereka itu akan dapat sijil yang di-akuï. Saya rasa perubahan diantara kedua² pertubohan ini ia-lah Pasokan Palang Merah ini di-tadbirkan oleh badan International dan St. John Ambulance di-tadbirkan oleh negeri² yang di-dalam Commonwealth sahaja. Mengapa saya minta bantuan ini diberi sama, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah untok memajukan pertubohan ini sabagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka tadi, dan tidak-lah patut peruntokan ini berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi chontoh tentang Pasokan Palang Merah di-negeri Johor, khas-nya di-Muar telah di-tubohkan Pasokan Palang Merah, pada masa ini ahli²-nya lebeh kurang 600 orang terdiri daripada 12 pasokan dan akan di-tubohkan beberapa pasokan lagi pada masa yang akan datang. Pertubohan ini bukan di-tubohkan di-dalam bandar sahaja, tetapi meliputi dikampong yang jauh daripada bandar. Mereka ini telah di-beri latehan yang chukup berkenaan dengan pertolongan chemas oleh Pegawai Perubatan dengan chara sukarela, dan ada yang sa-tengah daripada itu . . . .

**Mr. Speaker:** Kalau tuan berchakap berkenaan dengan pentadbiran pertubohan² itu akan mengambil masa yang panjang. Saya fikir perkara yang saperti itu tidak payah. Kalau hendak minta wang, beri-lah sebab²-nya hendak meminta wang itu.

**Enche' Aziz bin Ishak:** . . . dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kapada Kementerian ini pada masa yang akan datang supaya memberi peruntokan dan galakan yang lebeh kapada pertubohan sukarela yang saperti ini. Kerana pada pendapat saya dalam masa kita hendak membangunkan negeri yang baharu merdeka dan melancharkan gerakan ranchangan pembangunan luar bandar, pertubohan yang sukarela ini ada-lah sangat menguntongkan Kerajaan, dan kapada ahli² pertubohan yang di-beri pelajaran perubatan itu. Dengan chara ini maka akan banyak-lah orang kampong khasnya mengetahuï hal pertolongan chemas dan perubatan, dan akan mengurangkan orang meminta nasihat dan pertolongan daripada dispensary dan hospital yang mana pertolongan itu akan membanyakkan lagi kerja Pegawai Perubatan.

**Enche' Yahya bin Haji Ahmad (Bagan Datoh):** Tuan Yang di-Pertua, terlebeh dahulu saya menghormati Tuan Yang di-Pertua supaya tidak berchakap panjang. Saya hanya berchakap perkara yang perlu sahaja. Saya suka menerangkan kapada Menteri yang berkenaan bahawa dalam jajahan Hilir Perak barangkali pendudok-nya tidak kurang dari 170,000 orang, tetapi hanya mempunyaï satu orang Doctor sahaja dan baharu² ini telah di-desak dengan kuat-nya yang mana telah mendapat tambahan, tetapi kalau mengikut apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada petang semalam mengatakan bahawa satu orang Doctor hanya boleh mendapat untok 6,500 orang. Rasa saya kalau-lah pendudok dalam kawasan saya sana yang seramai 170,000 orang itu maka saya berharap kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat ditambah lagi sa-orang Doctor lagi, sebab saya tahu sangat walau pun saya dudok jauh dari bandar Telok Anson yang

sejauh 28 batu tetapi boleh saya katakan satu minggu sakali saya melawat di-Hospital itu dan boleh di-katakan ramai orang sakit yang datang ka-situ tidak dapat di-rawat dengan sempurnanya kerana ada kala-nya tidak chukup kaki-tangan dan terpaksa-lah orang² sakit itu berubat di-tempat sendiri. Dan lagi saya berasa megah dan berterima kaseh kapada Menteri yang berkenaan yang sangat mengambil berat dalam perkara ini yang mana kita sendiri tahu bahawa orang² yang dudok jauh di-luar bandar yang mendapat sakit itu telah di-hantar dengan helicopter untok dirawat ka-Hospital. Saya berharap kalau Menteri ini hendak hantar helicopter tidak-lah payah di-hantar ka-Bagan Datoh yang sejauh 28 batu dari Hospital, tetapi hantar-lah sa-buah ambulance yang di-adakan di-Dispensary di-Bagan Datoh sana. Sebab-nya bagini, Tuan Yang di-Pertua. Baharu² ini dalam bulan ini juga satu orang yang telah sakit hendak bersalin dekat dengan rumah saya kerana hendak minta sabuah ambulance datang dari Telok Anson yang sejauh 28 batu hingga budak yang dalam perut ibu-nya itu telah meninggal, nasib baik ibu-nya selamat dan di-bawa juga ka-Telok Anson.

Oleh itu besar-lah harapan saya agar dapat Yang Berhormat Menteri ini mengambil pandangan yang sangat berat, kerana kalau di-bandingkan apa yang di-katakan-nya semalam maka chuba-lah fikirkan pendudok yang seramai 170,000 orang itu yang mengandongi 3 kawasan pilehan raya Persekutuan ia-itu termasok Bagan Datoh, Telok Anson dan Hilir Perak. Tetapi hanya baharu sahaja dapat dalam bulan yang sudah 2 orang Doctor sahaja dan saya harap kapada Kementerian yang berkenaan supaya dapat di-tambah satu orang Doctor lagi.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Ahmad (Tumpat):** Dato' Yang di-Pertua, saya suka membuat rayuan kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan berhubong dengan muka 163, item (78) Hospital Assistants. Dalam negeri Kelantan khas-nya di-kawasan saya, Tumpat, banyak orang² yang pergi berulang alek ka-negeri Siam, kerana pemergian mereka itu tentu-lah berkehendakkan mendapat passport, tetapi satu perkara yang sangat menyusahkan hati saya yang hendak di-terangkan di-Majlis ini ia-itu hendak mengambil passport. Mula² sa-kali mereka itu pergi ka-Rumah Sakit Besar, Kota Bharu kerana hendak di-injection. Kemudian sa-lepas itu pergi pula mereka mendapatkan surat chachar dan lepas itu baharu-lah mereka ini pergi ka-pejabat mengambil passport. Ini-lah yang sangat menyusahkan mereka itu kerana berulang alek 5-6 kali menggunakan taxi dengan belanja yang banyak dan juga tempat mereka itu sangat berjauhan dengan bandar Kota Bharu, walhal tiap² jajahan itu ada Hospital Assistant.

Maka dengan ini saya merayu kapada Menteri Kesihatan supaya dapat-lah mereka itu di-beri kemudahan bagi mendapatkan injection dari Hospital Assistant pada tiap² jajahan dan dengan kemudahan ini tidak-lah kehilangan belanja yang banyak.

Satu perkara lagi yang saya suka hendak menarek perhatian berhubong dengan rayuan orang² di-kawasan saya yang mana pendudok²-nya ada lebeh kurang 30,000 orang dengan mempunyaï sa-orang Hospital Assistant dan sa-orang Dresser. Ini sangat-lah tidak memadaï. Sa-orang Dresser itu kerjanya di-sabelah pagi pergi melawat di-kawasan² dan pada sa-belah petangnya dia menjalankan kerja di-pejabat. Dengan ini saya juga merayu kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat di-tambah lagi satu orang Dresser di-tempat saya itu.

**Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut):** Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri ada-lah mengalu²kan dan menyokong penoh di-atas Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Kesihatan pada tahun 1961 ini. Mengikut Anggaran Belanjawan yang di-bentangkan di-Majlis ini kita dapati lebeh kurang $7,000 juta lebeh daripada perbelanjaan Kementerian ini bagi tahun 1960. Pada pendapat saya perbelanjaan ini sunggoh pun lebeh 7 juta ringgit bagi tahun 1961 maka ini pun tentu-lah tidak menchukupi, tetapi

untok sementara bagi hendak memperbaiki hal berkenaan dengan Kementerian Kesihatan ini tentu-lah di-masa yang akan datang perbelanjaan ini akan beransor² naik daripada yang ada pada hari ini.

Saya juga menguchapkan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah membuat Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kesihatan tahun 1961 ini, sunggoh pun barangkali banyak daripada kita yang ada di-Majlis ini tidak berpuas hati, tetapi saya berharap kapada tiap² Ahli dalam Dewan ini jangan-lah kita hendak meminta segala²-nya dengan chepat dan tentu-lah juga kita tahu tidak akan dapat di-perbuat walau bagaimana jerit pekek sa-kali pun yang hendak di-minta dalam perkara ini.

Sa-lain daripada itu saya mengambil peluang menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di-atas usaha²-nya yang mengambil berat berkenaan dengan Doctor². Dalam kawasan saya khas-nya kawasan Krian Laut, 'am-nya jajahan Krian yang ada mempunyaï pendudok seramai 120,000 orang lebeh. Di-kawasan itu hanya ada satu orang Doctor dan dengan langkah yang telah di-ambil oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini yang mana saya sudah berurus dengan State Medical Officer Perak dan telah bertanya berkenaan dengan Doctor ini. Kata-nya dia telah berurus dengan Pegawai Jajahan. Rumah sudah di-siapkan, tetapi hanya menanti Doctor sahaja yang akan di-hantar ka-Krian ia-itu di-tambah satu orang Doctor lagi daripada yang ada pada hari ini. Ini bererti 2 orang Doctor semua-nya.

Saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sunggoh pun Doctor ini belum di-hantar lagi maka saya minta supaya dapat di-segerakan untok kebajikan dan kesenangan pendudok² dalam jajahan Krian yang mempunyaï pendudok seramai 120,000 orang itu. Di-samping itu suka juga saya menarek perhatian Majlis ini berhubong dengan muka 182, sub-head 53—Motor Vehicles. Di-sini ada anggaran di-untokkan sa-banyak $10,000. Saya tidak tahu apa-kah ranchangan yang di-buat berkenaan dengan peruntokan Motor Vehicles yang di-adakan sa-banyak $10,000 itu, tetapi saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan ia-itu saya bagi pehak pendudok yang seramai 120,000 orang dalam kawasan jajahan Krian meminta jikalau boleh Yang Berhormat Menteri itu mengadakan satu van besar—bukan kereta sa-bagaimana ambulance, tetapi kechil pun chukup-lah ia-itu kegunaan-nya bagi membawa mayat² orang yang mati di-Hospital untok di-hantarkan balek ka-tempat masing².

Kerana, Tuan Yang di-Pertua, sudah berlaku di-jajahan Krian boleh di-katakan pada tiap² bulan atau pun 3 bulan dua kali ada berlaku, sa-saorang itu apakala di-langgar motokar atau pun mati kechemasan, mati lemas, gila babi hendak di-bawa balek ka-kampong masing², kesulitan-nya ia-lah kenaikan kerana di-jajahan Krian ada 30 batu jauh daripada Hospital. Jadi apakala membawa mayat terlampau susah jika menyewa kereta di-kenakan bayaran hingga $15 dan $20 dalam sa-jauh 10 batu. Oleh itu saya berharap-lah kapada Menteri Yang Berhormat supaya mengadakan kereta membawa orang² mati balek ka-kampong. Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang² yang berkata, bahawa kereta² itu tiada harus akan di-muatkan orang² yang bukan Islam, tetapi saya dapat tahu bahawa tidak ada apa² halangan dan tidak ada apa² tegahan daripada ugama kita menurut hukum² Islam.

Saya suka juga menarek kapada Head 180 sub-head 31 ia-itu Youth Services . . . . .

**Mr. Speaker:** Jangan-lah di-panjang²-kan kerana banyak Ahli² yang telah berchakap dalam perkara ini. Kalau pendek boleh.

**Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman:** Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan (*Ketawa*) ada sa-orang Ahli Yang Berhormat ada berchakap mengatakan bersilat dan berkuntau. Beliau berkata Pemuda Pemudi di-ajar berkenaan dengan bersilat yang akan menjadi samsing, jadi di-sini saya fikir jangan-lah kita mengata bagitu ada-lah samsing tadi bukan-lah daripada Pemuda-Pemudi yang ada

pengetahuan dan yang ada persatuan. Oleh itu tidak boleh-lah kita hendak menyalahkan bersilat dan berkuntau, jadi apa yang hendak kita chakapkan jangan-lah menyentoh pemuda² kita kerana pemuda² itu ada-lah harapan bangsa, tetapi jika kita . . . .

**Mr. Speaker:** Itu sudah panjang nampak-nya.

**Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman:** Berkenaan dengan Social Welfare saya tengok perbelanjaan-nya di-anggarkan chuma empat million sahaja. Jika di-pandangkan daripada pendudok² di-Tanah Melayu ini bahawa jumlah-nya tidak kurang daripada tujoh million dan tidak memadaï dengan 4 million. Oleh itu di-harap-lah kapada Menteri yang berkenaan itu supaya melebehkan lagi Estimate anggaran perbelanjaan Social Welfare itu jika tidak boleh di-buat pada tahun ini di-minta-lah di-lebehkan pada tahun yang akan datang ini.

Sakian-lah.

**Mr. Speaker:** Sitting is suspended for fifteen minutes.

*Sitting suspended at 4.15 p.m.*

*Sitting resumed at 4.40 p.m.*

(Mr. Deputy Speaker *in the Chair*)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Deputy Speaker *in the Chair*)

Debate resumed on Question:

That the sum of $91,810,242 for Heads 29 and 30 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

**Enche' Hussein bin Mohd. Noordin (Parit):** Mr. Speaker, Sir, I just want to clarify what I said yesterday about the mental disease. It seems that there is a lot of misunderstanding after I have made my speech. Sir, I would like to quote from the book "Technical Report on Public Health and Medical Care"—a Report by a mission organised by the International Bank for Reconstruction and Development on the economic development of Malaya. On page 552, it reads:

"It is said in Malaya that the present mental hospitals are too large and should be broken down into small units. This may be a sound proposal, but it could achieve little unless recruitment and assessment of more professional staff were successful. The Federal Department has proposed the construction of a much needed third mental hospital to be located on the East Coast, and the present ones being on the West Coast."

So, it is not my intention to impute improper motives to anybody; my argument is substantiated by the facts contained in this book.

**Enche' Kang Kock Seng (Batu Pahat):** Mr. Speaker, Sir, items (8), (9) and (10), Administrative Medical Officers. Sir, in view of the fact that all these Medical Officers are experienced officers and as we are so short of doctors at the present moment, I feel that we should try to arrange a way that administrative jobs be taken over by Hospital Assistants or any other special administrative officers.

Page 163, Medical Officers, item (51)—Sir, all the Medical Officers in charge of district hospitals at present are made to look after the administrative side, so much so that most of their times are being spent on administrative work rather than on patients. I am saying this, Sir, not because they like to do it, but because it is a direction from the Ministry. Therefore, Sir, I feel that steps should be taken to remedy this state of affairs and to supply each and every district hospitals with administrative officers to look after the administrative and financial side of it.

Sir, item (56), Pharmaceutical Chemists, page 163. I believe at present the responsibilities to order drugs are in the hands of the Pharmaceutical Chemists in the various States, I do hope that in future all orders should be by tenders, and proper care should be taken to see that no favouritism is shown to certain firms, or inducements by certain firms—to order certain drugs, whereby quite a lot of funds could have been saved.

Page 163, Hospital Assistants Special Grade A, item (72)—Sir, in view of the vast experiences of these Special Grade A Hospital Assistants, they should not be put in charge of stores or put to do administrative works. We know that a lot of district hospitals are making full

use of these Special Grade A Hospital Assistants to be storekeepers, instead of utilising them for work in connection with the medical side.

Sir, item (75), Nursing Sisters. There are a lot of complaints at present against the Nursing Sisters and Nurses, because sometimes due to pressure of work they lose their temper and abuse the patients. I do hope that we try to increase the number of Nursing Sisters and Nurses in all the district hospitals so that the patients will be properly looked after.

Sir, item (77), Hospital Assistants, Special Grade B. At the moment, Sir, there are a lot of these Special Grade B Hospital Assistants in charge of laboratories in the district hospitals where they are supposed to be on 24 hours' duty. I do hope that as most of these jobs are specialised jobs which not all the Hospital Assistants can perform, the Ministry will take steps to train more people in order to run these laboratories, so that these experienced Hospital Assistants now in charge of laboratories need not have to be taxed to the extent of not being able to leave their homes even for pictures—just like police officers who are on call for 24 hours. I feel it is too much a strain for anybody.

Page 165, item (114), Midwives. Sir, the duties of Midwives are very important, because it is usually at the time of deliveries where all expectant mothers suffer due to child births, and I do hope that all these Midwives will be more courteous to them instead of just laughing away when the patients are suffering. Sir, they sometimes pass uncalled for remarks, such as, "Bila awak ingat suka, awak tidak ingat susah. Saya berharap perkara ini jangan terjadi lagi." So, I hope the Ministry will take steps to educate all the Midwives not to pass these uncalled for remarks.

Sir, item (119), page 165, Hospital Attendants. I notice that under the provision for Hospital Attendants there are altogether 4,890 Hospital Attendants in all the hospitals throughout the country, whereas in page 166, item (126), Mental Hospital Attendants, the total number is 1,057. I feel that the ratio is nearly 1 to 5, and the amount of money expended on the total sum is about 30 per cent on Mental Hospital Attendants compared with the total amount expended in the whole country, i.e. $5,892,000, whereas the mental one is $1,637,000. Sir, I feel that the mental rate in this country is not as high as that, and I hope that the Ministry will take steps to utilise the services of the Mental Hospital Attendants for the district hospitals, where we are so short at present, rather than concentrate on the mental hospitals. Why I say this is that if the needs of the sound ones are required, we must try to attend to them first, rather than attending to the mental ones, where we are merely trying our luck.

I refer to page 175, sub-head 8, Grants for Anti-Malarial Services, $4,850,000. Sir, in view of this large sum of money expended on anti-malarial services throughout the country I do hope that the Ministry will exercise proper control over the use of the oil used in anti-malarial operations because at the moment I do feel that there is no control over the expenses in connection with the charges on the oil whereby it is so difficult to check how many gallons of oil have been sprayed and so on. Another thing in connection with this anti-malarial scheme is that we should see that not only the Government and P.W.D. quarters where high Government officials and those above the average stay get the advantage of this service but also those areas which better deserve this service get it.

Under sub-head 17, Provisions—on the same page, i.e. page 175—we have a provision of $7,839,900. Sir, in view of the large sum of money which is to be expended on Provisions, we should try and see that the same contractors do not get the contracts for these supplies yearly; we should try to give more publicity before we give out the tenders.

On page 177, $6,810,000 has been provided for Stores. This is another large sum of money which we are spending for the purchase of drugs, equipment and so forth. As I say, the word "stores" is so short but the

number of items could be thousands. Therefore, I hope that the Ministry would take appropriate steps to make sure that the stores are kept in proper order whereby at the present moment I do feel that some of the District Hospitals are not doing what they should do. In fact there is no proper control over the stores at present.

**Enche' Ismail bin Idris (Penang Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap perkara² yang belum lagi di-suarakan di-dalam Majlis ini. Sa-belum itu saya menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di-atas kejayaan-nya saperti yang di-sebutkan di-dalam uchapan-nya itu, terutama sa-kali angka kematian kanak² kechil ada-lah berkurangan. Sunggoh pun bagitu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Kementerian ini ia-itu mengikut penyata yang baharu kita terima pada bulan June tahun 1958, angka kematian kanak² kechil di-dalam Persekutuan Tanah Melayu ini ia-lah 28,131. Sa-banyak 18,873 orang daripada-nya ia-lah pendudok² yang terdiri daripada Malaysian, Malaysian ini harus-lah terdiri daripada orang yang di-luar bandar. Pada fikiran saya sunggoh pun angka kematian kanak² kechil sudah berkurangan, tetapi mengikut penyata itu angka kematian kanak² kechil di-luar bandar belum berkurangan. Oleh itu saya minta Kementerian ini memerhatikan walau pun Kementerian ini telah berulang kali mengatakan kebaikan atau pun keistimewaan akan di-berikan kapada kawasan di-luar bandar.

Yang kedua, saya hendak menarek perhatian Kementerian ini berkenaan dengan Hospital Assistant. Di-Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua, bersunat (circumcision) mendapat sambutan bukan sahaja kapada orang Islam tetapi juga orang yang bukan Islam. Saya dapati hospital di-Pulau Pinang itu hanya Surgeon sahaja yang di-benarkan membuat pekerjaan ini. Di-Pulau Pinang ini orang-nya sangat ramai, dan pembelahan pun sangat banyak, kadang² murid² yang berchuti sekolah itu hendak bersunat tidak dapat di-jalankan, kerana tidak ada orang yang hendak membuat pekerjaan itu. Tetapi sa-lain daripada Pulau Pinang saperti Johor, Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur pekerjaan ini di-buat oleh Senior Hospital Assistant, saya tidak tahu sama ada betul atau tidak pekerjaan itu di-buat oleh Senior Hospital Assistant. Kalau bagitu, saya minta kapada Menteri yang berkenaan melateh Hospital Assistant di-Pulau Pinang itu supaya mereka boleh membuat pekerjaan itu. Mudah²an, dengan jalan yang demikian banyak-lah kanak² Islam dapat bersunat di-hospital.

Berhubong dengan Women Institute, saya suka menyatakan bahawa pergerakan Women Institute di-Pulau Pinang ada-lah berjalan dengan baik. Baharu² ini pertubohan ini telah mengadakan suatu pertunjokan pertukangan tangan dan bunga yang mana mereka telah mendapat kejayaan yang baik; mereka itu telah mengadakan pungutan derma untok pertubohan kebajikan. Dalam peruntokan ini saya tidak tahu berapa yang di-untokkan kapada Women Institute di-Pulau Pinang, tetapi memandang kapada pekerjaan yang mereka telah lakukan untok kebajikan dan sa-bagai-nya, saya suka mengeshorkan supaya peruntokan kapada Pulau Pinang di-lebehkan, kerana dengan ada-nya kelebehan peruntokan itu dapat-lah pertubohan itu menjalankan kerja-nya dengan lebeh molek lagi.

Pada akhir-nya, sa-bagaimana yang telah saya katakan pada tahun yang lalu ia-itu di-kawasan saya itu hanya ada sa-buah kelinik yang di-buka hanya dua hari dalam sa-minggu. Oleh itu saya minta kapada Menteri yang berkenaan supaya di-benarkan kelinik ini di-buka tiap² hari ia-itu 6 hari sa-minggu.

**The Assistant Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam):** Mr. Speaker, Sir, I rise to reply to one or two matters raised by the Honourable Members from the Socialist Front Bench. The Honourable Member for Damansara, during the course of the debate this morning, said that the conditions in estate hospitals are in a

are public money and not meant for any political party.

**Dato' Ong Yoke Lin:** Mr. Speaker, Sir, I have waited for so long that I am losing my voice. I am sure Honourable Members would not wish me, at this late hour, to reply to every single point that has been raised, because the reply naturally takes a longer time.

Sir, I would like to thank Honourable Members for their very constructive suggestions, and would assure them that all reasonable requests would receive due consideration. We in the Ministry are conscious that there are still, as I said in my speech yesterday, defects and shortcomings to be overcome. Naturally, in such circumstances, priority will have to be decided on a national basis depending, of course, on the availability of funds and staff.

In the course of the debate today, I have received many bouquets from the House and, of course, I appreciate them very much, but I would say this—I will certainly pass all these bouquets on to the staff of my Ministry, (*Applause*) from the Director, the Administrative Officers, the Medical and Health Officers, nursing staff, hospital assistants, right down to the attendants, particularly those who serve in the rural areas. I am sure that this very kind expression of appreciation will serve as an encouragement and an inspiration and as a challenge to my staff to give even better service in the future.

Sir, coming to my Honourable friend the Member for Bungsar, he has asked for the details of how the distribution of the item of $150,000 in respect of Aid to Voluntary Youth Organisations is made. The answer is:

*Grants in aid to National Youth Councils*—

| | |
|---|---|
| The Malayan Youth Council ... | $10,000 |
| The Malayan Youth Hostel Association ... ... ... | 12,000 |
| Malayan Association of Youth Clubs ... ... ... ... | 60,000 |
| Others ... ... ... ... | 5,000 |
| Grants to Youth Clubs and Youth Organisations, Launching grants to newly formed Youth Clubs ... ... ... | 15,000 |
| Grants to existing Youth Clubs and Organisations for special projects, and grants to State Co-ordinating Council ... | $ 15,000 |
| Club Programme Organiser Scheme—8 Club Organisers at $3,000 p.a., that is $24,000, and $1,000 for transfers, etc ... | 25,000 |
| Club Activities—Instructors Scheme and Vocational Training, Youth Clubs ... ... | 8,000 |
| | $150,000 |

Sir, I am afraid that I deplore the suggestion of the Honourable Member, when he referred to the Malayan Chinese Association Youth Organisation—there is a suggestion of subversive influence or activities. I want to make it very clear that the Alliance Government will not tolerate subversion or subversive elements in any secton or political party in this country, including the Parties of the Alliance (*Applause*), because we have the sacred duty to the whole nation to protect the nation against subversive activities. That is why it was not a pleasant duty for the Government to have to lock up or detain several leading members of the Socialist Front, but we have to do our duty by our people.

The M.C.A. youths referred to by the Honourable Member—The M.C.A. youth activities are always open and above board. The youth leadership training courses at Morib Youth Training Centre are conducted in accordance with the rules set out for the training schools or the training centre. That training centre is open to any youth organisation regardless of political leanings, regardless of race, provided that they adhere to the rules. In this case, if the Socialist Front would like their Youth Section to take advantage of this facility—I wonder if they have a Youth Section as such—they can always apply to the Social Welfare Department, Youth Division, for the use of the Morib Training Centre. But I have my doubts whether the Socialist Front will take advantage of this, because the activities at that Centre is open, the programme is checked by the Department, and it has got to stick to certain rules. I do not think I have heard of any activities

of the youth groups of the Socialist Front, except certain activities indulged in at night in places where they have their club premises, or their Socialist Front or Labour Party premises. The Government funds are not used when the Training Centre is used by political youth organisations like the M.C.A. or the U.M.N.O. They pay for their food and everything else.

Sir, I do not understand why the Honourable Member for Bungsar is so worried about the Indian Welfare Committee. I would suggest that they are public-spirited people, who form a charitable organisation and if they happened to be also Committee members of the M.I.C., I do not think there is anything wrong there. It is a legal voluntary organisation.

The Honourable Member has suggested the decentralisation of hospitals. He said that we can have a hospital with a doctor and one or two nurses. I would like to enlighten him on this question, because if you have a hospital you have to have a 24-hour service on three shifts—and one can just imagine the number of doctors, nurses, attendants and so on that will be required.

I have never said that the airlift service was the answer to the rural health problem. It has its use, and it is now one of the permanent features of the Ministry.

The Honourable Member also questioned the amenities. He said he had visited the Sungei Buloh Leprosarium. I am, of course, taking a great interest in that institution. I would like to enlighten the Honourable Member regarding conditions and amenities provided in that institution. The Lotteries Board has given about nearly $300,000 for amenities for patients in that Settlement. It was provided in 1958 with a community hall with a cinema projector, costing $155,000, besides tractors and many other amenities, like vehicles for carrying some of the patients out for picnic, excursion buses, and so on. The Malayan Leprosy Relief Association, which I had the honour to launch last year, is doing extremely good work—it is asking for public subscription—and with the aid of the Lotteries Board has spent the better part of $50,000 already on this Settlement. Further, I might inform the Honourable Member that this Settlement at Sungei Buloh for leprosy patients has always been described as the best of its kind in the whole world by experts and foreign visitors, who know what they are talking about. (*Applause*).

Sir, the Honourable Member also mentioned about the dependants of detainees, who have not been helped by the Social and Welfare Department. Now, Sir, we have a provision of $10,000 this year for this particular purpose and up to this day, expenditure from this vote is only $2,090. So, I am sure no deserving case has ever been turned down. If the Honourable Member could supply me with information of any case of hardship suffered by dependants of detainees who have not been helped, or who deserve help, I will be very glad to look into it.

With regard to the Honourable Member for Temerloh's statement on State Matrons, I am informed that the post of State Matron has been there for many, many years and it is not a new innovation. The Matrons have their duties which are necessarily for the proper supervision and administration of the nursing staff in the various States.

I made it very clear during the debate on the general principle of the budget that no patient at any Government hospital or dispensary who genuinely could not afford to pay for medicine has ever been sent away without treatment or medicine or injection. I have heard one or two Honourable Members saying that there have been cases where people have been turned away because they could not pay for the medicine. I would like specific cases and not just vague allegations.

I gave the assurance that there would be no shortage of drugs in any Government hospital or dispensary and if there are cases of temporary shortage of any drugs in any dispensary or hospital, then it is the fault of the staff in charge and they will have to answer to me and the Ministry for that.

and outboard motors required for use in Kelantan. I should perhaps explain that the reason why reference is made in the draft estimates to Pahang and Kelantan is that the administration of Aborigines in the two States has now become the responsibility of the Federal Government in accordance with the terms of the Constitution; previously the two States concerned were partially responsible for these matters. At the present time the Federal Government has responsibility for all States except Johore; it is hoped that arrangements with the Johore State Government will soon be completed to enable the Federal Government to assume responsibility in this State also.

Mr. Chairman, Sir, I now come to Head 33, Chemistry. The estimated expenditure for this Department for the coming year shows an increase of approximately $94,000 over the 1960 figure. It will be noticed that the establishment of Graduate Chemists has been increased from 6 to 9. Hon'ble Members may be aware that before Graduate Chemists can be appointed Chemists, they must take a 2-year Post Graduate Course overseas. Three of such officers have recently been sent overseas for training of this nature and the purpose of the present increase is to ensure the successful Malayanisation of the Department. Accordingly, it is proposed to recruit 3 more Graduate Chemists next year. It will be noticed that there is a considerable increase under the Sub-head Administration on Other Charges Annually Recurrent. This is in respect of new air-conditioning equipment which has been installed in the Laboratories at Petaling Jaya and Penang. Hon'ble Members will, I am sure, appreciate the importance of air-conditioning in the work of this Department.

Mr. Chairman, Sir, now, I turn to Head 34—Fire Services. The total provision for the Department of Fire Services for 1961 shows an increase of approximately $6,000 over the 1960 figure. This small increase provides for normal salary increments to the Staff and other minor variations in respect of certain items. The establishment of the Fire Inspectorate and Central Fire Training School remain unchanged. Under Other Charges, Annually Recurrent, Hon'ble Members will notice that there is an increase of $8,000 in respect of transport costs; this is to provide for the maintenance and servicing of fire fighting vehicles which require more attention as they get older. The provision under Other Charges, Special Expenditure, is almost identical with that voted for 1960. It is for the purchase of fire fighting equipment and other items for use by the Central Fire Training School.

Now, coming to Head 35, Local Government, the estimated expenditure in respect of this Department shows a decrease of over $7,000 from the 1960 figure. This is due largely to the fact that the post of Commissioner of Local Government is now filled by a Malayan officer and consequently no expatriation pay and allowance are required. It has been found possible to reduce expenditure on Other Charges Annually Recurrent, but a small vote is provided under Special Expenditure to allow for the purchase of some minor items of office equipment.

Mr. Chairman, Sir, coming to Head 36, the total provision for this Department shows an increase of approximately 1% over the 1960 figure which is mainly attributable to the increase of one post of a Trades Union Registration Officer, making a total of 17 posts in that grade of appointment. This new post is for the East Coast Branch Registry which is responsible for 16 Trade Unions and 481 Societies. The Other Charges Annually Recurrent and Special Expenditure components of the Estimates of this Department each show a reduction and called for no particular comment.

Mr. Chairman, Sir, next is Head 37—Printing. As Hon'ble Members will realise the demands which are made on the Printing Department continue to increase and there is no reason to expect this pressure to diminish. Nevertheless, the expenditure for 1961 shows only a slight increase over the current year's total. I regard this as a satisfactory state

of affairs, particularly when it is remembered that in addition to the headquarters press in Kuala Lumpur there are also State presses in Johore, Kedah and Trengganu. With regard to Personal Emoluments the establishment shows a slight increase. Provision is made for an additional post of Assistant Superintendent and also for two more posts of monotype operators. It has been found necessary to make provision for an additional typist but to set against this, one post of telephone operator has been deleted. Three more machine men are required and provision is also made for an extra post of 2nd Assistant Chargeman for Trengganu; against this there is the reduction of one post of bookbinder in the Kedah Branch Office. Under Other Charges Annually Recurrent, there is an increase under Sub-head 2, Item 3, in respect of light, power and water; this is mainly due to payment for overtime work and expansion of plant. Under Item 7 of the same Sub-head an increase of $3,630 as shown for telephones; this represents the increased rental on account of the newly installed branch exchange. The other items under Other Charges Annually Recurrent are in respect of increased demands in printing services. Turning to Special Expenditure, $170,000 is provided for the purchase of new machinery and equipment to replace obsolete and unserviceable plant which is becoming uneconomical to operate and maintain. The new equipment and machinery concerned includes a typesetting machine, composing equipment, 3 electrically driven guillotines for paper cutting, and a fork lift truck. I should perhaps refer to some observations made by the Hon'ble Member for Bungsar during the general debate on the Estimates. He referred to the recruitment of two expatriate officers to the Department and asked why Asian Officers were not appointed. It is quite true that recently two expatriates were recruited on contract to fill two posts of Assistant Superintendents, after it had transpired that candidates with the necessary qualifications and experience were not available. The Honourable Member also said that Asian Officers were not appointed to posts for which they had been trained. It is perfectly true that certain Division IV officers were sent overseas for training under the Colombo Plan, but these officers had neither the experience nor the qualifications for appointment as Assistant Superintendents. The Government is fully alive to the importance of Malayanising the Department as soon as possible, but work has to be carried on and in the absence of qualified and experienced local men, temporary recruitment on contract from overseas is still necessary.

Mr. Chairman, Sir, I would like to refer briefly to the increased use of the National Language in the Government *Gazettes*. Members will recall that in accordance with Article 152 of the Constitution for a period of 10 years, all Bills introduced in Parliament, all Acts of Parliament and all subsidiary legislation must be in the English language. The Government Printer does not at present possess the staff to produce twin editions of the *Gazettes* in English and Malay, but we are examining the position to see how we can increase the use of the National Language in the *Gazettes*, subject to the limitation imposed by Article 152 of the Constitution to which I have referred.

Now, I come to Head 38—Prisons. Mr. Chairman, Sir, the Prisons Estimates for 1961 show an increase of roughly $86,000 but it must be remembered that the Prisons Service with an establishment of over 1,300 people has responsibility for 17 penal establishments and three detention camps. Under Personal Emoluments a new appointment of Personnel and Welfare Officer has been included in substitution for one post of Principal Officer, Grade I, and consequently this new appointment, which is very much in line with modern thinking on these matters, will occasion no additional expenditure. Provision has also been inserted for 8 new posts of vernacular teachers. It is the intention to recruit 8 Malay school teachers so that each regional training prison may have one such Malay teacher to instruct prisoners in the National Language. There is also an increase of one post of Trade Instructor against

Perkara ini kadang² tidak dapat layanan di-sebabkan berseliseh faham, kerana pegawai Kerajaan Negeri itu fikiran-nya fikiran kemelayuan dan keugamaan, dan fikiran pegawai Kerajaan Persekutuan bersalahan sama sa-kali ia-itu kebangsaan, bahasa dan ugama berlainan.

Orang Asli ini ia-lah orang yang tidak ada ber'adat-isti'adat yang sempurna, orang yang tidak ada pelajaran dan orang yang tidak ada berugama. Maka kita dapati pada hari ini masing² berebut hendak menarek mereka itu ka-sabelah pehak masing².

Jadi dengan sebab itu tentu-lah pentadbiran di-antara dua pehak ini akan tidak sesuai. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita sa-bagai orang Melayu memerentah negeri ini hak kita sendiri tentu-lah kita berkehendakkan orang Asli ini terutama sa-kali di-didek mereka itu di-dalam 'adat-isti'adat kita sendiri. Kemudian di-bagi mereka itu pelajaran di-sekolah bahasa kita sendiri. Bagitu juga pada fikiran saya, kita tarek mereka itu kapada ugama kita sendiri. Maka ini-lah selalu terganggu umpama-nya hendak membanyakkan sekolah. Kita tidak dapat bantuan yang sempurna, tidak dapat layanan yang sempurna dalam pejabat ini kerana hendak membuat sekolah. Kadang² sa-hingga ada di-belakang-nya orang² yang datang daripada pejabat menasehatkan orang Asli itu apa guna-nya masok sekolah Melayu.

Bagitu juga dengan ugama, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri dapati dua tiga chontoh di-dalam sekolah Melayu di-Kuala Lipis ada dua orang budak perempuan orang Asli telah dudok dalam sekolah Melayu dia dapat di-beri pelajaran sa-hingga darjah VI tetapi di-sekolah Melayu kita ada pelajaran ugama tiap² petang. Dan budak itu bukan pula tidak hendak kapada pelajaran ugama tetapi di-tahan oleh satu pehak jangan menchampori pelajaran ugama.

Bagitu juga kemajuan yang lain, maka dalam bab Administration, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah meminta Menteri Muda kita memerhatikan dengan sa-benar-nya terutama sa-kali memikirkan ada-kah orang Asli yang telah pun di-akuï oleh Raja Melayu sa-bagai ra'ayat yang pertama bagi negeri ini. Oleh sebab itu ada-kah kita memikirkan mereka ini termasok kapada orang kita. Jika sa-kira-nya termasok kapada orang kita ia-itu orang yang berhak dalam negeri ini yang di-namakan orang Melayu serupa kita juga tentu-lah kita hendak mengambil berat yang nombor satu, dalam pelajaran, nombor dua, dalam ugama-nya. Kerana kita tidak suka saperti lain² negeri satu bangsa lain pula ugama, lain 'adat-isti'adat dan lain pula bahasa-nya.

Yang kedua-nya, di-bawah Administration ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah memberi pandangan kapada Menteri Muda yang bertanggong jawab pada hari ini ia-itu hendak-lah kita kaji, ada-kah orang Asli ini hendak biarkan sahaja mereka itu berselerak dalam hutan atau pun kita hendak ambil mereka itu hendak bagikan didekan dan pelajaran. Jika sa-kira-nya kita memikirkan mereka itu mesti, kerana saya kata mesti sebab kita ada Estimates di-dalam tiap² pejabat. Jika kita fikir mereka itu kita hendak baiki nasib-nya maka pertama sa-kali kita mesti jangan-lah membiarkan mereka itu berselerak. Umpama-nya pada hari ini dalam Rural Development—Kemajuan Luar Bandar kita, kita membagi orang² kita yang meskin dalam negeri ini tanah² saperti di-dalam kampong perpindahan. Kalau kita hendak membaiki nasib orang Asli ini kita terpaksa membuat satu kawasan untok mereka beberapa ekar pada satu² kelamin bagi mengelokkan ekonomi mereka itu. Kemudian di-situ juga menjadi kesenangan kapada pemerentah membahagikan sekolah dan lain-nya. Jika sa-kira-nya dengan keadaan berselerak yang sa-umpama ini kita beberapa million pada sa-tahun kita membelanjakan kapada orang Asli ini kita tidak akan dapat faedah dan kita tidak akan sampai kapada tujuan² yang di-chita²kan. Kerana kita maseh membiarkan mereka itu liar sa-bagaimana biasa sahaja.

Dan berkenaan dengan kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, manusia yang kita biarkan bagitu tentu-lah dia ada menyimpan penyakit. Oleh itu jika

sa-kira-nya mereka itu maseh lagi berselerak dalam hutan macham mana Menteri Kesihatan kita hendak menghapuskan penyakit yang ada dalam negeri ini jika mereka itu tidak dapat di-ubati, umpama-nya penyakit kurap. Macham mana Menteri Kesihatan hendak menghapuskan penyakit kurap dalam negeri ini jika kurap itu tidak di-hapuskan kapada manusia umpama orang Asli ini. Oleh itu pada fikiran saya, menyatu atau memindahkan orang² Asli ini kapada satu tempat yang istimewa itu-lah satu jalan yang kita boleh agong²kan, yang kita betul² hendak membaiki kesihatan satu puak daripada bangsa kita dalam Tanah Melayu ini. Perbuatan membiarkan mereka itu berselerak dalam hutan bukan sahaja yang saya katakan tadi, kita tidak dapat membaiki nasib-nya tetapi sa-balek-nya merugikan kita terutama sa-kali di-atas keadaan² tanah yang mereka di-biarkan menebang hutan² yang baik dari satu tempat ka-satu tempat pada tiap² tahun, merugikan kayu² yang berharga dan kadang² hutan² itu naik jadi padang lalang. Di-sana kita dapat beberapa banyak erosion dan merugikan negeri ini. Oleh itu, kerana masa sudah sampai biar-lah satakat itu dahulu dan saya akan menyambong-nya di-masa lain kelak. (*Tepok*).

*Adjourned at 6.30 p.m.*